Kandungan

- Perutusan Ketua Pengarah 02
- Visi, Misi & Objektif 04
- Ahli Lembaga Penasihat PNM 06
- Pengurusan Tertinggi PNM 08
- Pencapaian Utama 10
- Peristiwa Penting 18
- Pengurusan Perpustakaan 26
- Pembangunan Perpustakaan 58
- Perkhidmatan Perpustakaan 78
- Sistem Pengurusan Kualiti 110
- Puspanita 114
- Kelab PNM 118
- Penulisan 122
- Terbitan PNM 126
- Pameran 130
- Keratan Akhbar 134

Perutusan

Ketua Pengarah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Alhamdullillah, syukur ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan Izin-Nya masih lagi diberi kesempatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menerbitkan Laporan Tahunan 2017. Penerbitan Laporan Tahunan 2017 ini merupakan satu usaha yang baik kerana dapat mendokumentasikan segala aktiviti yang telah dijalankan dan menjadi wadah perkongsian maklumat serta menjadi sumber rujukan kepada semua pihak terutama agensi-agensi kerajaan dan swasta.

PNM membuka tirai baharu pada tahun 2017 dengan memantapkan ikrar dan semangat untuk meneruskan usaha dan menyatakan kesetiaan yang padu dan tidak berbelah bahagi untuk menjayakan misi dan visi PNM. Pada usia PNM yang melebihi separuh abad ini, banyak kejayaan yang telah dilakari dan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.

Pencapaian 2017

PNM telah berjaya menerima pengiktirafan pencapaian tertinggi terhadap Modul Penilaian *Outcome* (MPO) yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) ICU JPM 21 November 2017 berbanding 4 lagi projek lain dibawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Penilaian ini berdasarkan projek pembinaan bilik stek di Bangunan Menara, PNM yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2017. PNM juga telah mendapat pengiktirafan UNESCO *Memory of the World*, International Register untuk kali kedua bagi manuskrip Melayu PNM Cerita Panji (*Panji Tales Manuscript)*. Selain itu Perpustakaan Desa Kampung Kuala Sentul, Maran, Pahang telah dirasmikan pada tahun ini yang mana dengan pertambahan perpustakaan desa ini dapat membuktikan lagi perkhidmatan PNM terus berkembang dalam membekalkan sumber maklumat khususnya kepada masyarakat luar bandar.

Hubungan Antarabangsa

PNM terus melangkah ke hadapan dalam usaha memperkukuhkan hubungan kerjasama dengan Negara serantau dan antarabangsa melalui program yang dianjurkan oleh badan-badan antarabangsa. Jaringan hubungan dua hala PNM dengan pihak kedutaan luar Negara pada tahun



ini seperti kedutaan Azerbaijan, Kazakhstan, Sepanyol, Finland dan Iran. Melalui hubungan kerjasama ini, PNM dapat menambahkan koleksi buku negara tersebut dalam bahasa Melayu dan seterusnya menguntungkan kedua-dua negara malah dapat membuka lebih banyak laluan kerjasama dengan lebih luas dalam pelbagai bidang pada masa akan datang.

Persidangan Mesyuarat Antarabangsa dan Program

Sepanjang tahun 2017, PNM telah anjurkan 62 program berskala besar dan sederhana. Antaranya Persidangan Perpustakaan SeMalaysia 2017, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017, Pameran Asal Usul dan Bukti Keintelektualan Melayu, program Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan, Jom Baca Bersama 10 Minit, Kem Klinik Jawi, Kem Membaca 1Malaysia dan Bengkel Literasi Media dan Maklumat Perdana.

Harapan PNM


Pada tahun 2018 merupakan tahun paling bersejarah dan bermakna untuk PNM dan seluruh komuniti perpustakaan di Malaysia, apabila buat pertama kalinya Malaysia telah dipilih tuan rumah bagi penganjuran IFLA World Library and Information Congress (WLIC) kali ke-84 yang akan diadakan di Pusat Konvesyen Antarabangsa Kuala Lumpur (KLCC). Ini merupakan satu pencapaian yang amat tinggi dalam bidang kepustakawanan di negara kita dan dillihat menjadi medium penting dalam meningkatkan visibiliti dan peranan perpustakaan dan pusat maklumat di Malaysia.

Saya yakin dan pasti kejayaan yang cemerlang bertaraf dunia bakal dikecapi dengan mendapat pengiktirafan yang merupakan hasil kerjasama, komitmen dan semangat kerja berpasukan yang padu dan harmonis oleh semua warga perpustakaan di Malaysia.

Sekali lagi, saya menyeru semua warga PNM agar terus memberi sokongan jitu dalam meningkatkan produktiviti sejajar dengan usaha memastikan fungsi dan peranan PNM akan terus relevan dalam menyokong aspirasi Negara ke arah masyarakat yang bermaklumat.

Saya yakin dan pasti kejayaan yang cemerlang bertaraf dunia bakal dikecapi dengan mendapat pengiktirafan yang merupakan hasil kerjasama, komitmen dan semangat kerja berpasukan yang padu dan harmonis oleh semua warga perpustakaan di Malaysia.





DATO' NAFISAH AHMAD
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia


Visi, Misi & Objektif

VISI

"Peneraju Pembangunan dan Perkhidmatan Perpustakaan di Malaysia Bertaraf Dunia Menjelang Tahun 2020"

MISI

"Memperkasakan Penyampaian Sumber Maklumat Berkualiti Melalui Perkhidmatan Perpustakaan bagi Membentuk Masyarakat Berilmu Pengetahuan"



OBJEKTIF

01

Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;

02

Memudahkan penggunaan di seluruh Negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara; dan

03

Mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan



Lembaga Penasihat PNM

SESI 2017-2019



PENGERUSI



YBhg. Datuk Farisha binti Pawanteh

Pengarah Penjenamaan Negara
Jabatan Perdana Menteri

AHLI LEMBAGA PENASIHAT



YBhg. Profesor Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz

Pensyarah
Ahmad Ibrahim Kuliyyah of Laws, UIA



YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah bin Mohd Yunus

Ketua Pegawai
Sektor Komunikasi dan Ekosistem Digital, SKMM



YBhg. Prof. Dr. Juhana binti Salim

Mantan Pensyarah
Pengajian Teknologi Maklumat, UKM



YBhg. Prof. Dr. Sohaimi bin Zakaria

Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana



YBrs. Encik Mohd Zamri bin Mohd Idrus

Peguambela
dan Peguamcara, Zamri Idrus & Co.



YBrs. Encik Ahmad Asri bin Khalbi

Setiausaha Akhbar
Pejabat Menteri Besar Johor



YBrs. Encik Ahmad Azhar bin Yahya

Ketua
Pegawai Digital, TM



YBhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan



YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad

Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Pengurusan Tertinggi PNM



MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ



TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
YBHG. DATO' MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN



KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
YBHG. DATUK RASHIDI BIN HASBULLAH



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEBUDAYAAN) KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
YBRS. CIK SARAYA BINTI ARBI



01

A



01



02



03



04



05



06



07



08



09

Petunjuk :

01 **KETUA PENGARAH**
DATO' NAFISAH BINTI AHMAD
JUSA B

A PENGURUSAN

UNIT INTEGRITI
01. KETUA UNIT
WAN YUHAIMISHAM BIN WAN YUSOFF (S41)

KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA
02. PENGARAH
SHAIFUL AZLI BIN MAHAMAD NOR (M54)

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA
06. MOHAMAD RIZAL BIN ABDULLAH (M48)

PERKHIDMATAN KORPORAT
03. PENGARAH
SITI AISHAH BINTI SHEIKH KADIR (S54)

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA
07. FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF (S52)

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
08. HASHIMAH BINTI MOHAMED YUSOFF (S48)

BAHAGIAN GERAKAN LITERASI MAKLUMAT
09. FATIMAH BINTI ABD HAI [S48(M)]

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
04. PENGARAH
RAMZY BIN MD TAHA (S48)

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
05. PENGARAH
NORAZWANA BINTI YUSOP (F48)

B PEMBANGUNAN


PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT
01. PENGARAH
HJ. ROSHAM BIN HJ. ABDUL SHUKOR (S54)

BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN
03. WAN ROZAINI BIN WAN IBRAHIM [S48(M)]

BAHAGIAN PENYELIDIKAN
04. RUZILAH BINTI EHSAN (S48)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERPUSTAKAAN DESA
05. EDY IRWAN BIN ZULKAFLI [S52(M)]

06. MOHD. AZMI BIN AZIZ (S48)



02 **TIMBALAN KETUA PENGARAH**
MAIZAN BINTI ISMAIL
JUSA C

C PERKHIDMATAN

PEMBANGUNAN KOLEKSI
02. PENGARAH
DATIN MUNAZZAH BINTI HJ ZAKARIA (S54)

PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA
07. KATRUN NADA BINTI HJ. HASHIM [S52(M)]

PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA
08. ANISATUL-WAHIDAH BINTI ABDUL WAHID (S48)

BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI
09. SUHAILA BINTI ABD. RAHMAN (S48)

BAHAGIAN PEMULIHARAAN
10. ZAINAL BIN AHMAD [S48(M)]

PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT
01. PENGARAH
DAHLAN BIN SAMAD (S54)

PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA
04. HARLEEZA BINTI ABU HUSSIN (S52)

05. CHARLES BIN BRILEE [S48(M)]

PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU
06. FAIZAL HILMIE BIN YUSOF (S48)

BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK
07. KASUMA DEWI BINTI SAID [S48(M)]

PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI
02. PENGARAH
ANISAH BTE YUSOF (S54)

BAHAGIAN PINJAMAN
08. ALI BIN RASHID (S48)

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS
09. AZIZI BIN MAT JANAN [S44(M)]

PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA
03. PENGARAH
ABD. RAHMAN BIN SUDIN (S54)

BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN
10. NOR O'BAIDAH BINTI ABIDIN (S52)

BAHAGIAN KANDUNGAN DIGITAL
11. WAN MOHAMAD FAZALI BIN MOHD. SALLEH (S48)

BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DIGITAL
12. AIDATUL HASNIDA BINTI ABDUL RANI (S48)

Pencapaian Utama

PENGURUSAN KEWANGAN

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan Persekutuan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) adalah Pegawai Pengawal. Pada tahun 2017, PNM telah menerima peruntukan wang berjumlah RM158,526,300.00 bagi belanja mengurus termasuk Dasar Sedia Ada, *One-Off* dan Program Khusus.


PNM telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM156,254,789.00 dengan peratus perbelanjaan sebanyak 99.87%.



MSS 29/ MSS 31/ MSS 32/ MSS 94/ MSS 2140

CERITA PANJI

Perpustakaan Negara Malaysia telah mendapat pengiktirafan UNESCO *Memory of the World International Register* bagi lima naskhah manuskrip Cerita Panji pada tahun 2017. Cerita Panji berkisar mengenai cinta antara Inu dengan Galuh. Perkahwinan tidak dapat dijalankan kerana Semar tidak melukis rupa Galuh yang sebenar dan Inu enggan berkahwin dengan Galuh. Raden Galuh telah diculik oleh Dewa Betara Kala yang tinggal di dalam hutan. Dari itu bermulalah perjalanan pencarian Inu mencari kekasihnya Raden Galuh semula.



United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

Memory of the World

UNITED NATIONS EDUCATIONAL, SCIENTIFIC AND CULTURAL ORGANIZATION

Certifies the inscription of

Panji Tales Manuscripts

National Library of Malaysia
(Institution)


Kuala Lumpur *(Town)* ***Malaysia*** *(Country)*

ON THE MEMORY OF THE WORLD INTERNATIONAL REGISTER

30 October 2017
(Date)

Irina Bokova

Irina Bokova
Director-General, UNESCO



JARINGAN PAKATAN STRATEGIK DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Pada tahun 2017, PNM telah mengadakan program kerjasama dengan pihak kedutaan-kedutaan luar di Malaysia iaitu Azerbaijan, Kazakhstan, Sepanyol, Finland, Rusia dan Iran. Di samping itu, PNM turut bekerjasama dengan Perbadanan Kota Buku (PKB) bagi penganjuran *Future Library Convention Asia (FLCA) 2017* pada 28 - 30 April 2017 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Pada 16 Oktober 2017, PNM dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah mengadakan Bengkel Latihan kepada Jurulatih, Literasi Media dan Maklumat (LMM) seramai 112 orang pensyarah kolej MARA.


Sepanyol


Iran


Sri Lanka


Rusia


Finland


Azerbaijan

PENCAPAIAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Seiring dengan misi PNM iaitu menjadi penggerak utama memupuk budaya membaca rakyat Malaysia, PNM telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti galakan membaca. Pelaksanaan aktiviti dan program ini adalah hasil jalinan dan kerjasama yang diadakan dengan pelbagai pihak seperti Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Khusus Gunasama, Perpustakaan Desa, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Badan Berkanun serta badan-badan bukan Kerajaan. Sebanyak 10 aktiviti utama telah dijalankan oleh PNM dengan jumlah penyertaan seramai 3,868 orang.



Sesi Literasi Media dan Maklumat dengan Jabatan Parlimen



Bengkel Literasi Media dan Maklumat di Bahagian Teknologi Pendidikan

Manakala bagi Program Literasi Media dan Maklumat dengan objektif utama ialah untuk menyebar luas kepentingan literasi maklumat kepada masyarakat amnya dan kepada kumpulan sasaran khususnya bagi menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan masyarakat bermaklumat yang berkualiti; meningkatkan kemahiran teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan, dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika; dan menaikkan imej perpustakaan sebagai ejen literasi maklumat yang terbaik.

Sebanyak 283 program dengan penyertaan seramai 22,334 orang yang terdiri dari segenap lapisan masyarakat seperti kanak-kanak pra sekolah, pelajar sekolah rendah dan menengah, kolej, institut pengajian tinggi awam dan swasta, institut latihan dan kemahiran, golongan professional, pesara dan orang awam telah dilaksanakan. Penyertaan paling ramai adalah dari kalangan pelajar sekolah menengah iaitu berjumlah lebih 5,000 orang.




Modul Penilaian Outcome

PNM telah menerima pengiktirafan pencapaian tertinggi terhadap Modul Penilaian Outcome (MPO) yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) ICU JPM 21 November 2017 berbanding 4 lagi projek lain dibawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Penilaian ini berdasarkan projek pembinaan bilik stek di Bangunan Menara Perpustakaan Negara Malaysia yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2017. Pencapaian adalah seperti berikut:

Penilaian Outcome mengikut bahagian:

Bahagian 1: Pematuhan Metodologi Laporan (77.9%)

Bahagian 2: Pencapaian Outcome Projek (87.2%)


LAPORAN PENCAPAIAN OUTCOME PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN
JAWATANKUASA KERJA PENILAIAN OUTCOME (JKPO) 2017 ICU JPM

Malaysia adalah seperti berikut:

BIL.	TAJUK KERTAS	PEMATUHAN METODOLOGI LAPORAN	PENCAPAIAN OUTCOME PROJEK
1	Naik Taraf Bangunan Panggung Eksperimen Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan	55.0	74.3
2	Pembinaan Bilik Stek di Bangunan Menara Perpustakaan Negara Malaysia	77.0	87.2
3	Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Little India, Klang, Selangor	76.5	81.7
4	Membina dan Menaik Taraf Kemudahan Pelancongan di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan	71.3	73.8
5	NKEA TOURISM (EPP 7) International Events	66.3	80.0
	PURATA	69.2	79.4

PENCAPAIAN JKPO 2017

BT: Below Target OT: On Target ET: Exceed Target ST: Significantly Exceed Target

79.4%


Tarikh 22-02-2018

DISAHKAN OLEH:


TAN SRI AHMAD ZAKI ANSORE BIN MOHD YUSOF
Ketua Pengarah
Unit Penyelesaian Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri



Bilik Penyimpanan Koleksi di Bangunan Menara Perpustakaan Negara Malaysia







International Network of Emerging Library Innovators (INELI) ASEAN

nternational Network of Emerging Library Innovators (INELI) ASEAN merupakan sebuah program yang dibiayai oleh Bill and Melinda Gates Foundation melalui Perpustakaan Negara Filipina. Objektif program ini adalah untuk mewujudkan rangkaian kerjasama di antara perpustakan awam di ASEAN, melahirkan pemimpin yang berinovasi dan melaksanakan jalinan kerjasama yang berterusan di antara negara ASEAN yang terlibat. Sehubungan itu, sebanyak 8 negara ASEAN yang terlibat iaitu Brunei, Filipina, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura dan Vietnam.

Wakil daripada Malaysia diwakili oleh empat (4) orang pegawai iaitu:

(a) Encik Mohd Azmi bin Aziz, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa, Perpustakaan Negara Malaysia

(b) Encik Wan Mazli bin Wan Razali, Ketua Sektor Pengurusan Korporat, Pustaka Negeri Sarawak

(c) Encik Mohamed Fadzli bin Mohd Fauzi, Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan RATU

(d) Puan Siti Suhana binti Adnan, Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa, Perpustakaan Negara M alaysia


"*Poster-Paper Presentations of Best Practices in Public Library Innovations*" turut dipertandingkan dan para pemenang adalah seperti berikut:


Tempat Pertama: *Bohol Congressional Library Innovation: Creative Spaces for Community Engagement* oleh Ma. Vida C. Aparicio, Innovator, Philippines

Tempat Kedua: *Neutral Place for All* oleh Siti Suhana Binti Andan, Innovator, Malaysia

Tempat Ketiga: *Public Library Contributes to Literacy: IT and Non-Formal Education to Children in Century Lamp Library* oleh Aye Su Naing, Innovator, Myanmar

Program ini memberi impak kepada kepimpinan pustakawan pada masa hadapan disamping jalinan kerjasama perpustakaan awam seluruh negara ASEAN yang terlibat.





Peristiwa Penting

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2017



Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan YBhg. Datuk Haji Ab. Ghaffar Bin A. Tambi (sehingga 23 Oktober 2017) telah merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 minit pada 25 April 2017



Sesi Membaca Selama 10 minit

#MalaysiaNgaji





Para Peserta Sedang Membaca al-Quran Beramai-ramai dalam Program #MalaysiaNgaji yang dijalankan pada 19 Jun 2017

PROGRAM JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN

YBhg. Datuk Rashidi Hasbullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah melepaskan peserta Program Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan di KL Sentral pada 4 November 2017





Penumpang membaca buku sepanjang perjalanan.




Perasmian Sudut Maklumat OKU oleh YBhg. Dato' Mah Hassan Omar, Presiden Persatuan Braille Malaysia pada 14 September 2017



Antara peserta yang menyertai Pertandingan Membaca Buku Braille

PROGRAM BACALAH KAMU SINAR HIDUPKU



Penyerahan buku Braille kepada Ketua Pengarah PNM

KEM TULISAN JAWI PERINGKAT NEGERI PERAK





Kem Tulisan Jawi di Perak pada 22 Julai 2017







Sekitar aktiviti yang diadakan sempena Kem Tulisan Jawi di Perak

MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA KG. KUALA SENTUL



Perasmian PD Kg Kuala Sentul, Maran, Pahang dan Karnival Membaca 2017 oleh YB Dato Seri Hj. Ismail Bin Hj. Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia, merangkap Ahli Parlimen Maran pada 5 November 2017



Pengunjung yang hadir semasa majlis perasmian PD Kg Kuala Sentul, Maran, Pahang

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU 2017



YBhg. Tan Sri Omar bin Mohd Hashim, merasmikan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu diiringi oleh YBhg. Dato' Nafisah Ahmad dan YBhg. Datuk Dr. Zainal Kling dan Dr. Harun Mat Piah



Encik Zahamri Nizar sedang membentangkan kertas kerja bertajuk "Seni Illustrasi Manuskrip Pantai Timur: Naskhah Dalail al-Khayrat Dari Patani"



IFLA (WLIC) 2017, WROCLAW, POLAND (19-25 OGOS 2017)



Penerimaan watikah penganjuran Malaysia sebagai tuan rumah ke-84 IFLA (WLIC) 2018 di Wroclaw, Poland pada 19-25 Ogos 2017

LAWATAN TYT MELAKA KE PNM 23 Mei 2017



Sesi Lawatan TYT Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd. Khalil bin Yaakob ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

BENGKEL
LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM) PERDANA





Sesi Literasi Media dan Maklumat Perdana yang diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia pada 15 Ogos 2017









Pegawai-pegawai PNM sedang menyampaikan Taklimat Literasi Media dan Maklumat kepada peserta bengkel



Pengurusan Perpustakaan

KHIDMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA




Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Ketua Bahagian. Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada tiga (3) aktiviti dan sepuluh (10) sub-aktiviti yang diketuai oleh Pengarah dan 22 bahagian yang diketuai oleh Timbalan Pengarah.





AKTIVITI	SUB AKTIVITI	BAHAGIAN
PENGURUSAN	Khidmat Pengurusan Sumber Manusia	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
	Integriti	Unit integriti
	Perkhidmatan Korporat	Bahagian Perancangan Strategik Antarabangsa
		Bahagian Komunikasi Korporat
		Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
	Pembangunan Modal Insan	Bahagian Pembangunan Modal Insan
	Teknologi Maklumat	Bahagian Teknologi Maklumat
PEMBANGUNAN	Prasarana Ilmu dan Maklumat	Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa
		Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan
		Bahagian Penyelidikan
	Pembangunan Koleksi	Pusat Bibliografi Negara
		Pusat Penyerahan Terbitan Negara
		Bahagian Pembinaan Koleksi
		Bahagian Pemuliharaan
PERKHIDMATAN	Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
		Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu
		Bahagian Sumber Elektronik
	Perpustakaan Cawangan dan Komuniti	Bahagian Pinjaman
		Perpustakaan Negara Negeri Perlis
	Perpustakaan Digital Negara	Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
		Bahagian Kandungan Digital
		Bahagian Pengurusan Projek Digital



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA



Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM) terdiri daripada empat (4) unit yang menjalankan empat (4) fungsi berikut; Pentadbiran, Perolehan dan Aset, Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan

UNIT PENTADBIRAN

Fungsi utama Unit Pentadbiran adalah untuk merancang dan menguruskan pentadbiran Jabatan, mengurus penyelenggaraan dan pembaikan, sewaan kemudahan Jabatan, memantau keselamatan bangunan, menyediakan kemudahan pemandu dan kenderaan, menguruskan fail dan rekod Jabatan, memantau kerja-kerja kebersihan di dalam dan di luar pejabat dan juga landskap.


Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat Jentera Lestari Sdn. Bhd. dari 31 Oktober 2016 hingga 30 Oktober 2017 dan Syarikat Kejuruteraan Desir Emas Sdn. Bhd. mulai 15 November 2017. Bagi perkhidmatan pembersihan dan penjagaan landskap pula dijalankan oleh Syarikat Gomatsu Ventures Sdn. Bhd. mulai 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017.

Keselamatan Jabatan

BKPSM adalah sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat sembilan (9) jawatankuasa lain di bawahnya, iaitu:

- Jawatankuasa Bangunan dan Penyelenggaraan
- Jawatankuasa Keselamatan ICT



- Jawatankuasa Pertolongan Cemas
- Jawatankuasa Bertindak Kecemasan
- Jawatankuasa Penyelaras Bangunan Extra Space
- Jawatankuasa TASKA PNM
- Jawatankuasa Keselamatan Koleksi
- Jawatankuasa Penyelaras Bangunan Wisma Sejarah
- Jawatankuasa Kantin

Jawatankuasa ini berperanan dalam memenuhi keperluan keselamatan dan kesihatan setiap pekerja yang bertugas di dalam premis PNM. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di PNM diuruskan oleh Syarikat Jati Force Sdn. Bhd. mulai 1 Mei 2016 dengan pemantauan BKPSM.

UNIT PEROLEHAN DAN ASET

Unit Aset dan Perolehan berfungsi dalam menguruskan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melalui Tatacara Perolehan Kerajaan seperti tender, sebut harga, rundingan terus dan pembelian terus. Sepanjang tahun 2017, sejumlah 35 perolehan telah dilaksanakan dengan nilai sebanyak RM34,980,190.19 melibatkan lima (5) perolehan secara tender, 24 perolehan secara sebut harga serta enam (6) perolehan secara rundingan terus termasuk langganan pangkalan data, pembelian buku daripada penulis untuk koleksi Perpustakaan Desa serta Projek Pembangunan u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara.



UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bagi tahun 2017, PNM diluluskan waran perjawatan sebanyak 516 jawatan bagi pelbagai gred dan skim perkhidmatan. Waran perjawatan ini adalah juga melibatkan perjawatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri (PPAN) Perlis. Ringkasan kedudukan perjawatan adalah seperti berikut:

- Kumpulan Pengurusan Tertinggi : 2 jawatan
- Kumpulan Pengurusan & Profesional : 147 jawatan
- Kumpulan Sokongan : 367 jawatan

JUMLAH : 516 JAWATAN

Dari keseluruhan perjawatan tersebut, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara adalah merupakan Ketua Perkhidmatan kepada lima (5) Skim Perkhidmatan seperti berikut:

- Pustakawan : 133 jawatan
- Penolong Pustakawan : 51 jawatan
- Pembantu Pustakawan : 148 jawatan
- Pembantu Operasi; dan : 64 jawatan
- Pemandu Kenderaan : 13 jawatan

Manakala skim perkhidmatan lain merupakan jawatan kader dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JAMN), Jabatan Kerja Raya (JKR), Arkib Negara Malaysia (ANM), Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Jabatan Penerangan Malaysia.

Selaras dengan menggalakkan masyarakat yang berilmu dan memberikan perkhidmatan ilmu sepanjang hayat di mana jua, sebanyak 509 Perpustakaan Desa (PD) dan empat (4) Perpustakaan Komuniti (PK) yang beroperasi di bawah pengurusan PNM melalui projek khas yang diluluskan oleh kerajaan bermula pada tahun 2005. Sebagai pusat sosial yang memanfaatkan masyarakat setempat di kawasan luar bandar, pelbagai koleksi dan jenis bahan bacaan, alat kelengkapan komputer bagi mengikut keperluan dan teknologi semasa dan ruang serta perabot yang bersesuaian untuk kegunaan masyarakat setempat disediakan. Malah, selaras dengan penubuhan PD dan PK tersebut, peluang pekerjaan juga dapat diperoleh oleh rakyat iaitu dengan penstrukturan perjawatan yang telah diluluskan dan dilaksanakan iaitu secara *Contract of Service* selama dua (2) tahun bagi mengendalikan PD dan PK di seluruh Negara. Skim perjawatan berdasarkan waran perjawatan melibatkan tiga (3) skim adalah seperti berikut:

(a) 142 jawatan Penolong Pustakawan Gred S29 yang bertugas untuk menyelia mengikut zon PD seluruh Negara;

(b) 516 jawatan Pembantu Pustakawan Gred S19; dan

(c) 516 jawatan Pembantu Operasi Gred N11.






Kedudukan Perjawatan Perpustakaan Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Perjawatan Kader, Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Komuniti sehingga 31 Disember 2017

GRED	PNM				KADER				PERPUSTAKAAN DESA				PERPUSTAKAAN KOMUNITI				PPAN PERLIS			
	Jwt	Isi	Ksg	% Isi	Jwt	Isi	Ksg	% Isi	Jwt	Isi	Ksg	% Isi	Jwt	Isi	Ksg	% Isi	Jwt	Isi	Ksg	% Isi
JUSA B	1	1	0	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUSA C	1	1	0	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S54	6	6	0	100%	1	1	0	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S52	2	2	0	100%	3	3	0	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S48/S52	8	8	0	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S48	10	10	0	100%	9	8	1	88.9%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S44	16	16	0	100%	31	30	1	96.8%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S41	88	73	15	82.9%	137	115	22	83.9%	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	0	100%
JUM. KUMP. P & P	132	117	15	88.6%	181	157	24	86.7%	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	0	100%
S40	1	0	1	0%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S38	5	5	0	100%	2	2	0	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S32	9	9	0	100%	20	18	2	90%	-	-	-	-	-	-	-	-	2	2	0	100%
S29	29	19	10	65.5%	186	170	16	91.4%	141	128	13	90.8%	1	1	0	100%	5	5	0	100%
S28	1	0	1	0%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S26	8	8	0	100%	2	2	0	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
S22	21	16	5	76.2%	76	65	11	85.5%	-	-	-	-	-	-	-	-	2	2	0	100%
S19	108	102	6	94.4%	871	813	58	93.3%	512	459	53	86.7%	4	4	0	100%	8	8	0	100%
N14	7	6	1	85.7%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
N11 (TETAP)	51	48	3	94%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	6	3	3	50%
H11 (TETAP)	11	11	0	100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	2	0	100%
N11 (OS29000)	-	-	-	-	-	-	-	-	512	437	75	85.4%	4	2	2	50%	6	5	1	83%
N11 (OS11000)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	2	0	100%
H11 (OS29000)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	2	0	100%
JUM. KUMP. PELAKSANA	251	224	27	89.2%	1157	1070	87	92.5%	1165	1024	141	87.9%	9	7	2	77.8%	35	32	3	91%
LAIN-LAIN GRED	96	85	11	88.5%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	6	6	0	100%
JAWATAN KUMPULAN	5	0	5	0	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	484	426	58	88.0%	1338	1227	111	91.7%	1165	1024	141	87.9%	9	7	2	77.8%	42	39	3	92.9%

Petunjuk: JWT **Jumlah Perjawatan** ISI **Bilangan Pengisian** KSG **Bilangan Kekosongan**




Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Majlis APC merupakan penghargaan Jabatan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang yang mana mutu dan penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya.


Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Perpustakaan Negara Malaysia Tahun 2017

BIL	NAMA PEGAWAI	GRED	BAHAGIAN
1	HAJI ROSHAM BIN ABDUL SHUKOR	S54	PIM
2	MOHAMAD RIZAL BIN ABDULLAH	M48	BKPSM
3	ANISATUL-WAHIDAH BINTI ABDUL WAHID	S48	PPTN
4	SITI MANORIAH BINTI SALEH	S44	PPTN
5	NORAINI BINTI YA'CUB	S44	BPK
6	SHAZLIN AZNI BINTI SHAHARUDIN SHAH	S44(FLEKSI)	BPMO
7	ZALINA BINTI ABDUL RAHIM	S44(FLEKSI)	BRSP
8	SHAMSIAH BINTI DERAMAN	S41	PBN
9	NORHAMIZA BINTI MOHAMAD HANOPIAH	S41	PRMLN
10	NOR AMIN BIN MAIDIN	S41	B. PINJAMAN
11	SHARWANA BINTI SAID	S32(TBBK)	PRMLN
12	RAFIQAH BINTI ZAKARIYAH	W29(KUP)	BKPSM
13	SAM BIN SANI	JA29	BPPD
14	HAIZATUL AFNI BINTI BAKHTIAR	S29	PPANP
15	THALATHIAH BINTI AWANG	S26	BKK
16	IBRAHIM BIN SABTU	S26	BGLM
17	ABD AZIZ BIN TAHIR	S26	BKNP
18	KHADIBAH BINTI MISDI	N22(KUP)	BKPSM
19	MOHAMAD PAUZI BIN JERAIE	W22	BKPSM
20	ZURIANA BINTI YUSOFF	S22	B. PENYELIDIKAN
21	NURAZLINA BINTI ALIAS	S22	PPTN





BIL	NAMA PEGAWAI	GRED	BAHAGIAN
22	HAIRUL BADRIYAH BINTI ALIAS	S22(TBBK)	BPK
23	HAZURITA BINTI TOTOR	S22	B. PINJAMAN
24	HAYATI BINTI OTHMAN	N22	PPANP
25	NATRAH RAMADIAH BINTI MOHD SHUKOR	S22(TBBK)	BKD
26	BEATRICE CAROLINA LIM	S19	BPSA
27	MUHAMAD MARZUKI BIN CHE SAMSUDDIN	FT19	BTM
28	MOHD FIRDAUS BIN BAGUMBAYAN	S19	PBN
29	FARIDAH HANUM BINTI NORDIN	S19	B. PEMULIHARAAN
30	SYAMIMI BINTI MOHD SAMSUDDIN	S19	PKMM
31	LAURA ALFRED	S19	BSE
32	FARIDAH BINTI HASHIM	N14	PRMLN
33	NORFAIS BIN ABD WAHAB	H11	BKPSM
34	MUHAMAD SUHAIZAN BIN ABDULLAH	N11	BPMI
35	AIDIL FAIROZ BIN ON	N11	BPK
36	MOHD HUSNIZAM BIN MOHD RAZAK	N11	B. PINJAMAN
37	ZAIRUL AZWAN BIN OMAR	N11	PPANP



UNIT INTEGRITI

PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI WARGA PNM 2017

PNM sentiasa berusaha untuk melahirkan warga yang sentiasa patuh kepada peraturan-peraturan dan mengamalkan nilai-nilai integriti yang berterusan. Ini bagi memastikan warga PNM sentiasa menjaga imej Jabatan dan kerajaan seterusnya menjadi warga yang sentiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi dalam memberi nilai perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Melalui Unit Integriti, selain melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan dalaman, 3 program pengukuhan Integriti kepada warganya telah dilaksanakan.





Sebahagian warga PNM dalam Majlis Bacaan Yasin



YBrs. Dr. Jurij bin Hj Jalaludin, Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menyampaikan ceramah bertajuk 'Patriotisme Melalui Perkhidmatan Mesra Rakyat' pada 25 Julai 2017



Puan Fouziah Hanim dari Institut Integriti Malaysia menyampaikan ceramah berjudul Pengurusan Integriti Penjawat Awam pada 19 Oktober 2017






Sebahagian warga PNM mendengar ceramah berjudul Pengurusan Integriti Penjawat Awam pada 19 Oktober 2017




Tuan Haji Mohd Yusof dari JAKIM menyampaikan tazkirah bertajuk 'Penampilan Diri Dari Perspektif Islam' pada 28 April 2017



PROGRAM BACAAN YAASIN DAN TAZKIRAH BULANAN PNM			
BIL.	**NAMA PENCERAMAH**	**TAJUK TAZKIRAH**	**TARIKH**
1.	Bacaan Yaasin		Jumaat minggu terakhir setiap bulan.
2.	Al-Fadhil Ustaz Afnan bin Abd Rahman, Jabatan Agama Islam Wilayah Persektuan Kuala Lumpur	Jujur Dan Amanah Dalam Pekerjaan	24.02.2017
3.	Al-Fadhil Ustaz Muhammad Fahmi bin Rusli, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Hikmah Sabar Dan Syukur Dalam Pekerjaan	31.03.2017
4.	Tuan Haji Mohd Yusof bin Musa, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM)	Penampilan Diri Daripada Perspektif Islam	28.04.2017
5	Al-Fadhil Ustaz Muhammad Fahmi bin Rusli, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Zakat : Menyucikan Diri, Membangunkan Ummah	16.06.2017
6.	Al-Fadhil Ustaz Mohd Naqiuddin bin Ismail, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)	Hutang Dan Permasalahannya Menurut Islam	28.07.2017
7.	Tuan Haji Mohd Yusof bin Musa, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM)	Pengurusan Masa Dari Perspektif Islam	25.08.2017
8.	Al-Fadhil Ustaz Baharuddin bin Idris	Islam Dan Persoalan Rasuah	29.09.2017
9.	Al-Fadhil Ustaz Mohd Naqiuddin bin Ismail, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Wasatiyyah : Membentuk Peribadi	27.10.2017
10.	Al-Fadhil Ustaz Nursyamsul bin Abd Rani, Masjid Negara	Husnuzon Menjamin Kemaslahatan Ummah	10.11.2017

CERAMAH SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN PNM			
BIL.	**NAMA PENCERAMAH**	**TAJUK CERAMAH**	**TARIKH**
1.	YBrs. Dr. Jurij bin Hj Jalaludin, Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.	Patriotisme Melalui Perkhidmatan Mesra Rakyat.	25.07.2017
2.	Puan Fouziah Hanim bin Yahaya, Institut Integriti Malaysia	Pengurusan Integriti Penjawat Awam	19.10.2017



PERKHIDMATAN KORPORAT

FUNGSI BAHAGIAN

01 BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA (BPSA)


- Merancang dan menyelaras mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Penasihat PNM dan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Jabatan
- Menyelaras Pelan Strategik Jabatan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Jabatan

02 BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT (BKK)

- Merancang dan menyelaras publisiti dan promosi aktiviti Jabatan
- Mengendali program Pendidikan Pengguna lawatan dalam negara
- Merancang dan mengurus pameran Jabatan

03 BAHAGIAN GERAKAN LITERASI MAKLUMAT (BGLM)


- Merancang dan menyelaras pengurusan acara Jabatan
- Menjadi urus setia Program Galakan Membaca Kebangsaan
- Merancang dan menyelaras Program Literasi Media dan Maklumat



- Menyelaras Hal-Ehwal Akta dan Dasar berkaitan bidang perpustakaan dan maklumat
- Menyelaras hal ehwal Parlimen, Kertas Jemaah Menteri, Nota Makluman dan Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU)
- Menjadi urus setia Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Jabatan
- Menjalin hubungan strategik Jabatan di dalam dan luar Negara berkaitan bidang kepustakawanan dan perpustakaan

- Merancang dan mengurus terbitan Jabatan
- Mengendali dan menyelaras Program Hari Bertemu Pelanggan dan Maklum Balas Pelanggan
- Mempromosi keahlian PNM

- Mempromosi pembudayaan Tulisan Jawi Kebangsaan



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

Keanggotaan pegawai PNM dalam pertubuhan antarabangsa

(a) YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Tetap, Seksyen Perpustakaan Negara, *International Federations of Library Associations & Institutions (IFLA)* bagi tempoh 2017 - 2019.

(b) Puan Anisatul Wahidah Abd Wahid, pustakawan PNM dilantik sebagai Ahli Koresponden, Seksyen Pengkatalogan, *International Federations of Library Associations & Institutions (IFLA)* bagi tempoh 2017 - 2019.



PROGRAM KERJASAMA

Pada tahun 2017, PNM telah mengadakan program kerjasama dengan pihak kedutaan-kedutaan luar di Malaysia iaitu Azerbaijan, Kazakhstan, Sepanyol, Finland, Rusia dan Iran.

Di samping itu, PNM turut bekerjasama dengan Perbadanan Kota Buku (PKB) bagi penganjuran 'Future Library Convention Asia (FLCA) 2017' pada 28 - 30 April 2017 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

LAWATAN LUAR NEGARA


PNM telah menerima sebanyak 16 lawatan luar negara dengan seramai 398 orang dari *National Academic Library of the Republic of Kazakhstan, The Japan Foundation, Republic of Tajikistan*, Sekolah Tinggi Agama Islam Al-Qudwah, Depok, Indonesia, *High Comission of Sri Lanka in Malaysia* dan Universitas Makassar, Indonesia.

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

PUBLISITI DAN PROMOSI AKTIVITI JABATAN

Sebanyak 144 liputan daripada media massa dan media elektronik iaitu 132 artikel dari media cetak dan media atas talian telah mendapat publisiti.

Antara media yang mengadakan liputan Utusan Malaysia, Utusan Melayu Online, Berita Harian, Berita Harian Online, Sinar Harian, Berita RTM Online, The Star (Star Metro), New Straits Times, Mingguan Malaysia dan lain-lain.



PAMERAN


Pameran merupakan wadah penyampaian maklumat perkhidmatan dan koleksi PNM kepada pengunjung. Sebanyak 36 pameran telah diadakan di dalam dan luar jabatan. Antara pameran berskala besar yang diadakan adalah Pameran Manuskrip Asal Usul dan Bukti Keintelektualan Melayu dan Pameran Sukan Sea.



Pameran Sukan Sea

LAWATAN DALAM NEGARA


PNM telah menerima sebanyak 72 lawatan dalam negara dengan seramai 3,287 orang dari taska dan tabika, sekolah rendah dan sekolah menengah, Institusi Pengajian Tinggi, agensi kerajaan dan swasta serta persatuan, yayasan dan NGO.



HARI BERTEMU PELANGGAN

Hari Bertemu Pelanggan merupakan satu pendekatan yang dilaksanakan bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM kepada orang ramai. Selain itu, ia juga memberi peluang kepada pengunjung serta orang ramai untuk bersemuka secara terus bagi berbincang dan bertukar pandangan disamping mendapatkan maklum balas daripada orang ramai bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan PNM.

Empat (4) program Hari Bertemu Pelanggan telah berjaya dilaksanakan di dalam dan di luar Jabatan. Sebanyak 97 maklum balas telah diterima dan antara maklum balas yang disarankan adalah untuk penambahbaikan pengurusan, perkhidmatan dan kualiti perpustakaan.



MAKLUM BALAS PELANGGAN

Sebanyak 66 maklum balas telah diterima daripada 56 orang pengguna iaitu :

Maklum balas merangkumi perkhidmatan, koleksi, kemudahan dan keselamatan bangunan dan kemudahan dan keselamatan ICT. Kesemua maklum balas yang diterima telah diberi jawapan maklum balas dalam tempoh 15 hari waktu bekerja.

ADUAN	CADANGAN	PENGHARGAAN
25	13	28

KEAHLIAN PNM

PNM telah menerima dan memproses keahlian baharu seramai 17,632 orang. Jumlah keahlian kumulatif PNM sehingga 31 Disember 2017 adalah seramai 1,293,117 orang.



BAHAGIAN GERAKAN LITERASI MAKLUMAT

PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

Program Literasi Media dan Maklumat (LMM) Perpustakaan Negara Malaysia telah dimulakan pada tahun 2010 dengan dikenali sebagai Program Outreach: Bengkel Pencarian Maklumat dan Pempakejan Maklumat. Tiga buah sekolah telah dipilih sebagai program rintis iaitu Sek. Men. Keb. Bandar Baru Sentul, Sek. Men. Keb. Puteri Wilayah dan Sek. Men. Keb. Puteri Ampang, Kuala Lumpur. Seramai 110 pelajar telah menyertai program rintis ini.

Sehingga Disember 2017, sebanyak 283 program dengan penyertaan seramai 22,334 orang yang terdiri dari segenap lapisan masyarakat seperti kanak-kanak pra sekolah, pelajar sekolah rendah dan menengah, kolej, institut pengajian tinggi awam dan swasta, institut latihan dan kemahiran, golongan professional, pesara dan orang awam telah berjaya dilaksanakan. Pelaksanaan program ini membawa impak positif kepada peserta dalam mempelbagaikan medium pencarian, meningkatkan tahap literasi maklumat dan akan memberi nilai tambah kepada pengetahuan dan kompetensi peserta.


PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Aktiviti dan program yang dijalankan pada tahun 2017 adalah seperti berikut:





BIL.	AKTIVITI	PENGISIAN AKTIVITI	TEMPAT	PENYERTAAN
1.	**Kem Membaca 1Malaysia** 4 – 6 April 2017	i. Bengkel Literasi Media dan Maklumat ii. Sesi Membaca Bersama iii. Pameran Produk Perkhidmatan Digital PNM iv. Sumbangan Buku dan Bahan Promosi v. Kempen Keahlian dan Promosi u-Pustaka vi. Sesi Motivasi	Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan, Bukit Kiara, Kuala Lumpur & SMK Presint 9 (2), Putrajaya	574 orang
2.	**Jom Baca Bersama 10 Minit 2017** 25 April 2017	i. Bersama Dr. Buku ii. Baca Naskhah Lama Manuskrip iii. Jelajah Digital iv. Kuiz E-Teroka v. Sahibba Jawi vi. Bengkel Membaca Ekspress-I vii. PNM I-Play viii. Story Hour ix. Jari Jemari Kreatif	Perpustakaan Negara Malaysia	1,115 orang
3.	**Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM)** **Training of Trainers (ToT) Kepada Guru Perpustakaan dan Media Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia** 23 Mei 2017	i. Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM) ii. Pameran Perkhidmatan dan Produk PNM iii. Kempen Keahlian	Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan Bukit Kiara, Kuala Lumpur	263 orang
4.	**#MalaysiaNgaji** 19 Jun 2017	i. 1 Jam Bersama al-Quran ii. Ceramah Nilai-Nilai Murni iii. Juala Produk Puspanita iv. Tadarus al-Quran v. Jualan Bazar Ramadan vi. Persembahan Qasidah	Perpustakaan Negara Malaysia	463 orang



BIL.	AKTIVITI	PENGISIAN AKTIVITI	TEMPAT	PENYERTAAN
5.	**Kem Tulisan Jawi Peringkat Negeri Perak 2017** 22 Julai 2017	i. Pameran Manuskrip Melayu yang terdiri daripada pelbagai bidang perkara ii. Pendaftaran keahlian PNM iii. Pendaftaran keahlian u-Pustaka iv. Jualan buku terbitan PNM	Dewan Al-Helmy Sekolah Menengah Kebangsaan Doktor Burhanuddin, Taiping Perak	257 orang
6.	**Bengkel Literasi Media dan Maklumat Perdana** 15 Ogos 2017	i. Bengkel Literasi Media dan Maklumat ii. Sesi Latihan Hands-on Perkhidmatan Sumber Elektronik	Perpustakaan Negara Malaysia	628 orang
7.	**Program Bacalah… Kamu Sinar Hidupku** 14 September 2017	i. Sesi Motivasi dan Bacaan Kegemaran Saya ii. Pengenalan Kepada Literasi Media dan Maklumat iii. Pengenalan Pangkalan Data PNM Mesra OKU Penglihatan iv. Pertandingan Menulis Menggunakan Braillet v. Sesi Brailleton	Perpustakaan Negara Malaysia	320 orang
8.	**Program "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan" 2017** 4 November 2017	i. Sumbangan Bahan Bacaan Kepada Penumpang ETS ii. Sumbangan Bahan Bacaan Kepada Institusi/Sekolah Terpilih iii. Taklimat Literasi Media dan Maklumat iv. Program Jelajah Bahasa Bersama DBP v. Ekspresi Bahasa oleh PPA Kedah vi. Aktiviti Kesenian Bersama UPSI	Stesen Sentral Kuala Lumpur ke Stesen Keretapi Alor Setar	142 orang
9.	**Kem Klinik Jawi 2017** 16 Disember 2017	i. Pameran Manuskrip Melayu ii. Kuiz Klinik Jawi	Dewan Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur	106 orang
10.	**Rancangan Klinik Jawi Di Ikim.Fm**			93,000 pendengar / episod



GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI GALAKAN MEMBACA 2017

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT







Antara pengunjung yang menyertai program Jom Baca Bersama 10 Minit

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT





Membaca serentak Sempena Program Jom Baca Bersama 10 Minit yang diadakan pada 25 April 2017 di Perpustakaan Negara Malaysia



#MalaysiaNgaji




'Satu Jam Bersama Al-Quran' iaitu aktiviti bertadarus dan mentadabbur al-Quran yang merupakan acara kemuncak Program #MalaysiaNgaji





Kelihatan para peserta sedang membaca al-Quran beramai-ramai dalam Program #MalaysiaNgaji yang dijalankan pada 19 Jun 2017



PROGRAM JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN



Peserta program Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah



YBhg. Datuk Rashidi Hasbullah, KSU Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Nafisah Ahmad Ketua Pengarah PNM serta pihak pengurusan KTMB turut mengedarkan buku-buku kepada penumpang ETS



Aktiviti kesenian iaitu membaca teromba di dalam tren ETS oleh pensyarah dan pelajar UPSI



PROGRAM BACALAH KAMU SINAR HIDUPKU





Sekitar '"Program Bacalah...Kamu Sinar Hidupku" melibatkan golongan OKU penglihatan pada 16 September 2017



KEM MEMBACA 1MALAYSIA (KM1M)



KP PNM menyampaikan ucapan aluan di Kem Membaca 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2017 pada 4 April 2017



Para peserta Kem Membaca 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2017



BENGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM) PERDANA





Bengkel Literasi Media dan Maklumat Perdana telah berjaya mengumpulkan seramai 628 peserta terdiri daripada guru-guru dan ahli-ahli Majlis Belia Malaysia



KEM KLINIK JAWI 2017





Antara aktiviti yang dijalankan dalam Kem Klinik Jawi di IKIM pada 16 Disember 2017



BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) bertanggungjawab dalam mengendalikan program pembangunan modal insan yang merangkumi kursus, bengkel, ceramah, seminar dan peperiksaan bagi meningkatkan kompetensi diri, kerjaya dan kecemerlangan kakitangan PNM. Program yang dirancang adalah khusus untuk kakitangan PNM serta penyertaan terbuka kepada anggota Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan, Badan Berkanun, Badan Bukan kerajaan dan Sektor swasta.



PELAKSANAAN PROGRAM

Pada tahun 2017, BPMI telah menerima peruntukan bagi melaksanakan program yang dirancang sebanyak RM339,756.92 untuk mengendalikan 128 program yang melibatkan peserta seramai 1,766 peserta. Pecahan program seperti berikut

(a) Kursus Fungsional – 9 Kursus

(b) Kursus Generik – 15 Kursus

(c) Kursus MS ISO – 2 Kursus

(d) Kursus Khas (Perpustakaan Desa) – 3 Kursus

(e) Kursus Luar Jabatan – 52 Kursus

(f) Peperiksaan – 3 peperiksaan

(g) Latihan Industri - 31 orang

TUGAS RASMI KE LUAR NEGARA

BPMI juga telah menerima RM100,000.00 bagi melaksanakan program tugas rasmi ke luar negara sepanjang tahun 2017. Program tugas rasmi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) *Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania* (CDNL-AO) di Republik People Democratic of China pada 16 hingga 19 Mei 2017


(b) *Mid-Way Meeting of The INELI-ASEAN* di Dewan Bahasa dan Pustaka Library Brunei Darussalam pada 22 hingga 24 Mei 2017

(c) Pendokumentasian dan Pendigitalan Naskhah Manuskrip Melayu Di Bau-Bau, Pulau Buton, Sulawesi Tenggara, Indonesia di Bau-Bau, Pulau Buton, Sulawesi Tenggara, Indonesia pada 28 Julai hingga 4 Ogos 2017

(d) *83rd International Federation of Library Associations (IFLA) World Library and Information Congress* (WLIC) di Wroclow, Poland pada 17 hingga 26 Ogos 2017

(e) *5th Baku International Book Fair and International Scientific-Practical Conference* di *Republic of Azerbaijan* di Baku, Azerbaijan pada 26 September hingga 1 Oktober 2017





Pembangunan Perpustakaan

PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT

FUNGSI BAHAGIAN

01 BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERPUSTAKAAN DESA (BPPD)

PEMBANGUNAN

- Menyelaras dan memantau peruntukan Bantuan Belanja Mengurus Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri.
- Menyelaras permohonan projek-projek baharu pembangunan perpustakaan seluruh Malaysia.


PENGURUSAN PERPUSTAKAAN DESA

- Menyelaras dan menguruskan peruntukan Belanja Mengurus Perpustakaan Desa Pembiayaan Kerajaan Persekutuan.
- Menyelaras dan mamantau penyelengaraan Perpustakaan Desa PNM.

02 BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN (BKNP)

KHIDMAT PERUNDINGAN

- Menyelia/memantau pelaksanaan khidmat nasihat di perpustakaan gunasama.
- Menyediakan khidmat perundingan untuk penubuhan dan naik taraf perpustakaan di peringkat negara / serantau / antarabangsa.



- Urus setia bagi mesyuarat berjadual iaitu Mesyuarat Penyelaras Pembangunan Awam PAN dan juga Mesyuarat Prestasi Projek Pembangunan Rancangan Malaysia.
- Menyelaras dan memantau prestasi fizikal dan kewangan projek-projek pembangunan.
- Menyelenggara dan mengemaskini maklumat projek pembangunan melalui sistem pemantauan projek II (SPP II).

- Menyelaras dan memantau aktiviti dan perkhidmatan Perpustakaan Desa PNM.
- Urus setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Perpustakaan Desa PNM.
- Menyelaras Perkhidmatan ICT Perpustakaan Desa PNM.
- Merancang pembangunan modal insan, koleksi dan sistem.

- Merancang dan menyelaras penyediaan kertas kerja penubuhan perpustakaan berdasarkan piawaian kebangsaan dan antarabangsa.
- Merancang dan menyelaras pelaksanaan perkhidmatan pemasaran dan promosi khidmat nasihat dan perundingan.
- Merancang dan menyalaras penyediaan garis panduan dan standard berkaitan pembangunan perpustakaan di Malaysia.
- Memantau dan menyelaras aktiviti pelaksanaan analisis keberkesanan perkhidmatan dan pengurusan perpustakaan gunasama.



03 BAHAGIAN PENYELIDIKAN

KHIDMAT NASIHAT


- Merancang dan menyelaras pelaksanaan lawatan khidmat nasihat di perpustakaan gunasama.
- Merancang dan menyelaras mensyuarat perpustakaan gunasama untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.

PENYELIDIKAN

- Merancang dan melaksanakan kajian dalam bidang kepustakawanan dan perkhidmatan maklumat di Malaysia.
- Mendokumentasikan hasil penyelidikan dalam bidang kepustakawanan dan perkhidmatan maklumat di Malaysia.

STATISTIK DAN STANDARD


- Mengumpul, mengurus, menyelenggara dan menerbit data statistik dan maklumat berkaitan perpustakaan dan bidang kepustakawanan di Malaysia.




- Memantau kemajuan/prestasi dan kompetensi sumber manusia perpustakaan gunasama.
- Merancang dan menyelaras program, bengkel, seminar dan aktiviti berkaitan kompetensi kepustakawanan perpustakaan gunasama.
- Menyelaras maklum balas berkaitan perpustakaan gunasama.
- Menganalis keberkesanan perkhidmatan dan pengurusan perpustakaan gunasama.
- Menyenggara maklumat serta statistik perpustakaan gunasama.

- Menjalin perhubungan strategik berkaitan program kajian dengan pusat penyelidikan dan agensi kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan lain-lain program kajian berkaitan kepustakawanan.
- Menyelaras permohonan penyelidikan/kajian para penyelidik/pelajar daripada dalam dan luar negara mengenai PNM.


- Menyelaras dan membekal data perangkaan berkaitan perkhidmatan perpustakaan di Malaysia bagi tujuan menyokong Jabatan Perangkaan untuk terbitan Buletin Perangkaan Sosial dan Jabatan Perdana Menteri untuk terbitan *The Malaysian Scenario in Figures*, Fakta dan Maklumat Sosio Ekonomi Malaysia, dan Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia.
- Mengurus dan mengemaskini pangkalan data Perangkaan Perpustakaan dalam Pangkalan Data Direktori Perpustakaan di Malaysia.
- Bertanggungjawab ke atas kawalan dokumen kualiti Jabatan.
- Menyelaras data raya berkaitan perpustakaan.



Projek Pembangunan



Projek Fizikal Projek Bukan Fizikal



Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Kuala Sentul, Maran, Pahang


Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampong Kuala Sentul, Maran, Pahang dan Karnival Membaca 2017 telah diadakan dan dirasmikan oleh YB Dato' Seri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia merangkap Ahli Parlimen Maran pada 5 November 2017 bertempat di Perpustakaan Desa Kampung Kuala Sentul, Maran, Pahang. Ini adalah usaha mempromosikan perkhidmatan Perpustakaan Desa sekali gus memperhebatkan pembelajaran sepanjang hayat di samping mewujudkan kesepakatan pintar dengan NGO dalam membudayakan pembacaan di Malaysia.



Antara aktiviti yang dijalankan semasa majlis perasmian








BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai peneraju kepimpinan dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan bertanggungjawab membantu agensi kerajaan menubuh atau mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di dalam negara sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2) (b) Dan Bahagian II Seksyen 4(2) (i).

Pada tahun 2017, sebanyak 30 buah perpustakaan telah menerima khidmat nasihat dan 11 buah perpustakaan telah menerima khidmat perundingan. Antara perpustakaan yang terlibat adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Jabatan Warisan Malaysia, Kolej Komuniti Tawau, Sabah, Hospital Pasir Mas, Kelantan, Kementerian Kerja Raya dan Mahkamah Perusahaan Malaysia. Manakala bagi khidmat perundingan pula, antara perpustakaan yang terlibat adalah Jabatan Imigresen Malaysia, Penjara Seberang Perai dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

KLUSTER	PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNASAMA
Kementerian/ Jabatan Persekutuan	116
Akademik (Politeknik/ IPG/Kolej Matrikulasi/ Kolej Komuniti)	159
Institut Latihan /Penyelidikan	98
Perpustakaan Mahkamah /Perundangan	39
Perpustakaan Perubatan / Kesihatan (Hospital/Institut Latihan/ Institusi Kesihatan)	88
Perpustakaan Institusi Keselamatan	59
Jumlah	559



PENYELARASAN STATISTIK KEBANGSAAN

- PNM satu-satunya jabatan yang bertanggungjawab mengumpul statistik perkhidmatan perpustakaan di Malaysia secara menyeluruh;
- Data-data yang tersedia terkumpul akan dikongsi secara bersama untuk penerbitan agensi dan jabatan lain seperti Jabatan Perangkaan, EPU, ICU, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan lain-lain.

FAKTA RINGKAS PERANGKAAN PNM 2017

KUMULATIF KEAHLIAN **2,596,798**	1,836,812	PNM
	21,061	Komuniti
	738,925	PD
PENGUNJUNG **3,061,861**	379,469	PNM
	99,896	Komuniti
	2,582,496	PD
PENGGUNA **2,645,837**	312,829	PNM
	99,896	Komuniti
	2,233,112	PD
BAHAN DIPINJAM **2,572,180**	377,269	PNM
	60,896	Komuniti
	2,134,015	PD
BAHAN DIRUJUK **2,798,221**	406,211	PNM
	2,392,010	PD
PENGGUNAAN DALAM TALIAN **8,397,591**		

PEMBANGUNAN KOLEKSI

FUNGSI BAHAGIAN

01 PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA (PPTN)

PENGUATKUASAAN DAN PENERIMAAN

- Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) terhadap:

  - Monograf / Peta / Carta

02 PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA (PBN)

BIBLIOGRAFI NEGARA MALAYSIA

- Merancang dan mengurus aktiviti kawalan bibliografi kebangsaan.
- Menyediakan rekod bibliografi, failkuasa nama pengarang dan tajuk perkara Malaysia bagi

03 BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI (BPK)

- Merancang dan mengurus aktiviti pembelian monograf Dalam dan Luar Negara untuk koleksi PNM, koleksi Pusat Sumber Malaysia dan Kedutaan Malaysia di luar negara.
- Mengurus pengesanan / penyelidikan bahan koleksi peribadi/ nadir dalam dan luar Negara.

04 BAHAGIAN PEMULIHARAAN (BP)

PEMULIHARAAN SUMBER MEDIA / DIGITAL

- Mengurus penyediaan mikrofilem master bagi 7 judul surat khabar tempatan, manuskrip Melayu dan bahan nadir.



- Terbitan Bersiri

- Sumber Media / Kertas Persidangan

- Taklimat kepada penerbit di ibu pejabat dan di negeri-negeri.
- Melaksanakan promosi Akta 331.
- Menghantar surat tuntutan bahan dan surat peringatan bahan kepada penerbit.
- Menjalankan tugas pengesanan dan pemantauan Akta 331.

bahan perpustakaan yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 mengikut standard antarabangsa dan kebangsaan.

- Menggubal dasar dan standard pendokumentasian kebangsaan.
- Mengurus dan mengawal kualiti pangkalan data Bibliografi Negara Malaysia.
- Menyelaras dan melaksanakan projek pengkatalogan dan pengkelasan kebangsaan dan antarabangsa.

- Mengurus pembaharuan dan langganan baharu Pangkalan Data.
- Merancang dan mengurus aktiviti pembelian bahan untuk koleksi Perpustakaan Desa.
- Merancang dan mengurus Dana Pembelian terus Buku-buku Karya Penulis Tempatan.
- Merancang dan mengurus aktiviti pembelian sumber media untuk koleksi PNM terbitan Dalam dan Luar Negara.
- Mendokumentasi bahan yang diperoleh melalui pembelian, hadiah dan pertukaran mengikut standard kebangsaan dan antarabangsa.

- Menyelenggara salinan mikrofilem positif untuk bahagian perkhidmatan.
- Memulihara bahan digital dalam keadaan asal supaya dapat diakses dan digunakan untuk generasi akan datang.



PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA

Pusat Bibliografi Negara bertanggungjawab untuk memproses bahan-bahan perpustakaan dengan mengkatalog, mengkelas dan mengindeks bahan yang diserahkan oleh penerbit kepada Perpustakan Negara Malaysia di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Bahagian ini juga menyediakan perkhidmatan kepada penerbit iaitu pemberian nombor *International Standard Book Number* (ISBN), *International Standard Serial Number* (ISSN) dan menyediakan data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan (PDP).

Selaras dengan perluasan skop pelaksanaan MS ISO 9001 : 2015 di Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia. Bahagian ini bertanggung jawab dalam pelaksanaan dua prosedur iaitu PNM.PK(0) ;

PBN.01 – Prosdur Pendokumentasian Bahan Perpustakaan

PBN.02 – Prosedur Perkhidmatan Kepada Penerbit.

PENDOKUMENTASIAN





PERKHIDMATAN KEPADA PENERBIT

a **Pengkatalogan-dalam-Penerbitan (PDP)**


- 6,412 judul data (judul baharu terbitan Malaysia) dikeluarkan.

b ***International Standard Book Number* (ISBN)**

- 22,405 nombor ISBN telah diberikan
- 787 penerbit baharu telah didaftarkan (45 kerajaan, 521 bukan kerajaan dan 220 individu)

c ***International Standard Serial Number* (ISSN)**

- 328 nombor ISSN telah diberikan



PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA

Pusat Penyerahan Terbitan Negara merupakan bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Akta ini mewajibkan penerbit menyerahkan bahan terbitan dalam Negara kepada PNM sebagai usaha membina Koleksi Negara yang mencerminkan warisan intelek, kesusasteraan, kebudayaan serta ilmu dan kebijaksanaan manusia yang terkumpul untuk rujukan generasi kini dan akan datang. Melalui Seksyen 3(1) Akta 331 memperuntukan penubuhan Pusat Penyerahan Negara bagi tujuan berikut :

- Untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia;
- Untuk mewujudkan rekod bibliografi yang standard bagi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia; dan
- Untuk menyelenggarakan rekod statistik bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

Melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) penerbit bertanggungjawab menyerahkan lima (5) naskhah bahan bercetak dan dua (2) unit bahan bukan bercetak yang diterbitkan di Malaysia kepada Perpustakaan Negara Malaysia. Bahan-bahan akan dipulihara seterusnya dijadikan sebagai bahan rujukan dan warisan intelek Negara.

Pada tahun 2017 sebanyak 19,713 judul bahan telah diterima bawah Akta 331 dan didaftarkan untuk dijadikan sebagai Koleksi Negara.

Sebanyak tiga (3) kali penghantaran iaitu sebanyak 24,372 naskhah bahan Koleksi Negara telah dihantar ke Pusat Penyimpanan Luar Koleksi Negara Zon Sabah (PPLKN-S) di Perpustakaan Negeri Sabah.

Berikutan penutupan Pusat Penyimpanan Luar Koleksi Negara Zon Utara (PPLKN–U) di Universiti Sains Malaysia, sebanyak 380,000 naskhah koleksi telah dipindahkan ke Pusat Penyimpanan Luar di Extra Space, Sg. Besi dan proses pemindahan tersebut telah selesai pada 24 Februari 2017.

Bagi mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan, mulai bulan Ogos 2017 sebanyak tiga (3) naskhah bahan yang didaftarkan telah ditempatkan di bahagian perkhidmatan untuk rujukan pengguna.



Aktiviti Pusat Penyerahan Terbitan Negara

(a) Pengesanan dan Promosi Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

Bagi memastikan penerbit di Malaysia sentiasa mematuhi Akta 331, PPTN telah melaksanakan sesi pengesanan dan promosi Akta 331 kepada penerbit seluruh Malaysia sebagai agenda tahunan dan bertemu dengan sebanyak 842 penerbit (kerajaan dan bukan kerajaan).


(b) Pembangunan Sistem Depositori Kebangsaan (SDK)


Perpustakaan Negara Malaysia dengan Perbadanan Kota Buku (PKB) telah berkerjasama membangunkan SDK sebagai langkah memudahkan serahan terbitan negara secara menyeluruh khususnya bahan *born digital*. SDK merupakan satu inisiatif dalam talian untuk meningkatkan kecekapan Perkhidmatan Kepada Penerbit seperti serahan bahan digital, pendaftaran penerbit, permohonan ISBN, ISSN dan Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP).

Sistem ini dilengkapi dengan khidmat pengurusan hak cipta digital *Digital Rights Management* (DRM) melalui enkripsi 256 bit *Advance Encryption Standard* (AES) untuk keselamatan dan perlindungan bahan-bahan khususnya pemeliharaan dan penyalahgunaan paten, penyalinan dan hakcipta. Sistem *soft launch* ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah PNM sempena *Future Library Convention Asia* (FLCA) pada 28 April 2017.

(c) Pindaan Kepada Objektif Kualiti MS ISO 9001 : 2008 PPTN

Bagi memenuhi dan ketersediaan bahan rujukan kepada pengguna PPTN telah berjaya melaksanakan percubaan bagi memendekkan proses kerja iaitu mendaftarkan semua bahan yang diterima daripada empat (4) bulan kepada dua (2) bulan dengan varian 15%. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil. 1/2017 dan Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001:2008 Jabatan telah meluluskan Objektif Kualiti baharu PPTN iaitu Memastikan bahan yang diterima di bawah Akta Penyerahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) didaftar dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh diterima dengan varian 15%. Objektif kualiti ini telah dilaksanakan mulai Julai 2017.





BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI

Bahagian Pembinaan Koleksi ialah salah satu bahagian di bawah sub-aktiviti Pembangunan Koleksi. BPK terdiri daripada dua (2) unit iaitu Unit Perolehan dan Unit Pendokumentasian. Unit Perolehan bertanggungjawab untuk memperoleh bahan koleksi PNM dan Perpustakaan Desa. Manakala Unit Pendokumentasian bertanggungjawab menyediakan rekod bibliografi untuk bahan monograf, sumber media, terbitan bersiri serta Koleksi Khas/Peribadi yang diperoleh secara pembelian, hadiah/ pertukaran bagi tujuan rujukan dan penyelidikan pengguna.

Dalam usaha memperkukuhkan koleksi perpustakaan, PNM terus mempergiat program perolehan sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), pembelian serta hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2017, jumlah kumulatif koleksi PNM yang diperoleh melalui pembelian adalah 7,526 unit dan melalui hadiah dan pertukaran adalah sebanyak 1,557 unit.

Di samping perolehan bahan bacaan untuk PNM, perolehan juga dilaksanakan untuk Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia untuk memberi galakan kepada masyarakat luar bandar untuk memperkayakan ilmu. Pada tahun 2017, sebanyak 85,283 naskhah bahan bacaan yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperolehi.

PEROLEHAN BAHAN BACAAN

Perolehan Koleksi PNM

- Perolehan koleksi bahan fizikal PNM dilaksanakan melalui pembelian serta hadiah dan pertukaran termasuk monograf, terbitan bersiri, sumber media, e-book, koleksi peribadi dan nadir serta manuskrip Melayu.

(a) Monograf

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 15,897 naskhah bahan monograf yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh dari dalam dan luar Negara melalui proses pembelian. Jumlah ini terdiri daripada 10,112 naskhah bahan Malaysiana dan 5,785 bahan Bukan Malaysiana. Sebanyak 1,535 naskhah telah diperoleh melalui hadiah dan pertukaran di mana sebanyak 191 naskhah adalah bahan Malaysiana dan 1,344 naskhah adalah bahan Bukan Malaysiana.

(b) Terbitan Bersiri

Sebanyak 976 naskhah terbitan bersiri telah diperoleh melalui pembelian sepanjang tahun 2017 yang meliputi 759 naskhah bahan Malaysiana manakala bahan Bukan Malaysiana sebanyak 217 naskhah. Bagi perolehan melalui hadiah dan pertukaran, PNM telah memperoleh sebanyak 1,744 naskhah bahan Bukan Malaysiana.

(c) Sumber Media dan Elektronik

Sebanyak 670 unit bahan sumber media dan elektronik telah diperoleh bawah pembelian iaitu 86 unit bahan Malaysiana manakala Bukan Malaysiana sebanyak 584 unit. Bahan sumber media juga turut diperoleh melalui hadiah dan pertukaran di mana sebanyak 536



unit bahan telah diperoleh yang meliputi 1 unit bahan Malaysiana dan 535 unit bahan Bukan Malaysiana.

(d) E-Book

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 90,686 judul E-Book telah diperoleh melalui pembelian.

(e) Koleksi Khas (Peribadi & Nadir)

Koleksi Peribadi dan Nadir dikategorikan sebagai Koleksi Khas. Pada tahun 2017, PNM telah memperoleh sebanyak 168 naskhah bahan koleksi peribadi iaitu koleksi Sasterawan Negara Dato' Noordin Hassan dan koleksi Allahyarham Profesor Madya Dr. Talib Samat serta koleksi Nadir sebanyak 43 naskhah yang diperoleh dari dalam Negara.

- Manakala koleksi bahan digital diperoleh melalui langganan Pangkalan Data komersial adalah sebanyak 18 Pangkalan Data iaitu:

press reader, blis Bernama Library & Infolink Service, iG Library, OCLC, Buffet, E-Laws, OverDrive, The World Almanac and Book of Facts 2019, World eBook Library, MC, EBSCO Host, zinio, IFN Islamic Finance news, LawNet, Score A, ProQuest Ebook Central, emeraldinsight

Perolehan Bahan Bacaan Perpustakaan Desa

Perolehan bahan bacaan untuk koleksi Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia dilaksanakan melalui tender dan Dana Pembelian Terus Buku-buku Karya Penulis Tempatan. Pada tahun 2017, sebanyak 85,283 naskhah bahan bacaan baharu yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh untuk 509 Perpustakaan Desa di seluruh Negara.



BAHAGIAN PEMULIHARAAN

Bahagian Pemuliharaan bertanggungjawab memberi perlindungan, pemuliharaan dan pembaikan koleksi PNM berasaskan kepada peruntukan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Segala aktiviti yang dijalankan bertunjangkan kepada objektif penubuhan PNM seperti digariskan di dalam perkara 3(a) Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80).

Sepanjang tahun 2017, Bahagian Pemuliharaan telah melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan koleksi sumber perpustakaan sentiasa kekal terpelihara untuk jangka panjang. Tiga (3) aktiviti utama dalam menyokong kelangsungan PNM adalah :

(a) Pengawetan Manuskrip Melayu.

Sebanyak 1,302 helai manuskrip Melayu berjaya dibaikpulih melalui aktiviti perlapisan dan pembaikan tisu (bagi bahan berdakwat luntur), proses 'leaf-casting' (bagi bahan dakwat tidak luntur), penyahasidan melalui teknik basah dan kering, 'scoring', 'trimming' bahan, penyemakan dan penyusunan mukasurat mengikut susunan asal.

(b) Pengawetan Bahan Nadir dan Perseorangan

Sebanyak 10,811 mukasurat telah berjaya melaksanakan proses baikpulih bahan Nadir dan perseorangan.

(c) Penjilidan

Sebanyak 2,154 naskhah telah berjaya dilakukan penjilidan dan 2,111 naskhah telah berjaya ditinta.

Bahagian Pemuliharaan juga terlibat dalam pemantauan semua ruang simpanan sumber perpustakaan. Proses pemantauan adalah tertumpu kepada perkara-perkara berikut :

(a) Bacaan suhu dan kelembapan

(b) Peralatan kawalan persekitaran – Dehumidifier dan Thermohydrograph

(c) Keadaan fizikal koleksi

(d) Kabinet penyimpanan / kompaktus / rak

(e) Kebersihan ruang simpanan bahan.

Sepanjang tahun 2017, 10 lawatan pemantauan telah dibuat dan setiap lawatan melibatkan 6 ruang simpanan bahan bercetak dan 5 ruang simpanan bukan bercetak termasuk filem, mikrofilem, pita video dan sebagainya. Bagi bahan-bahan bercetak lawatan pemantauan diadakan setiap 3 bulan iaitu Mac, Jun, September dan Disember manakala bagi bahan bukan bercetak lawatan pemantauan diadakan setiap 2 bulan sekali iaitu Februari, April, Jun, Ogos, Oktober dan Disember. Semua ruang simpanan sumber perpustakaan terletak di Bangunan Anjung Bestari Aras 1 – 4, Bangunan Menara PNM di Aras 10-11, Bangunan Wisma Sejarah dan Bangunan Extra Space di Sungai Besi.



Promosi Perkhidmatan Pemuliharaan

Bahagian Pemuliharaan juga terlibat dalam usaha mempromosi perkhidmatan pemuliharaan kepada pengguna perpustakaan. Antara program promosi adalah Program Singgah Santai PNM (Doktor Buku), Program Kemerdekaan bertempat di Dataran Taiping dan Hari Bertemu Pelanggan PNM di UTC Keramat.

Bengkel dan Kursus

Sebanyak 9 bengkel dan kursus pemuliharaan telah dikendalikan kepada agensi-agensi luar seperti berikut:

(a) Khidmat Nasihat Pembaikan Buku di Kuil Kailaayanathar, TUDM Kuala Lumpur

(b) Bengkel Pembaikan Ringan dan Asas Penjilidan di Kolej Komuniti Jelebu

(c) Kursus Penjilidan dan Pemuliharaan Bahan di Kolej Matrikulasi Kuala Pilah

(d) Bengkel Pemeliharaan dan Pemuliharaan Perpustakaan, di UKM Bangi

(e) Bengkel Pemuliharaan Manuskrip di Pejabat Mufti Pulau Pinang

(f) Bengkel Pemuliharaan Bahan Perpustakaan di Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Daerah Hulu Langat, Bangi

(g) Bengkel Pemuliharaan Bahan Perpustakaan di Bahagian Pembangunan Modal Insan, PNM

(h) Kursus '"Its Our Heritage – Don't lose it" Anjuran FINAS

(i) Bengkel Pemuliharaan Bahan Perpustakaan bertempat di Perpustakaan Awam Hulu Langat, Bandar Baru Bangi

LAWATAN PENANDA ARASAN LUAR

Bahagian Pemuliharaan juga terlibat dalam menerima kunjungan lawatan penandaarasan dari agensi-agensi seperti Jabatan Penjara Seberang Perai, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Jabatan Mufti Negeri Sarawak, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM dan Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA) UKM



Aktiviti Dr. Buku sempena program Singgah Santai @ PNM



Perkhidmatan Perpustakaan

PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT

	FUNGSI BAHAGIAN
01 PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA (PRMLN)	• Mengurus perkhidmatan rujukan dan perujukan Malaysiana dan luar Negara. • Mengesan dan menyediakan bahan rujukan untuk memenuhi keperluan pengguna. • Mengurus dan menyelenggara koleksi Malaysiana dan luar Negara.
02 PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU (PKMM)	• Pengesanan manuskrip Melayu, perolehan dan pemuliharaan manuskrip Melayu. • Pendokumentasian Katalog Deskriptif Katalog Induk.
03 BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK (BSE)	• Merancang, mengurus dan menyelaras perkhidmatan maklumat audiovisual dan sumber elektronik; - Perkhidmatan sumber elektronik (pangkalan data komersil tempatan dan luar Negara). - Perkhidmatan audio dan ***video on demand.*** - Perkhidmatan audiovisual. - Perkhidmatan perisian interaktif. • Mengurus perkhidmatan rujukan dan penyelidikan tentang maklumat audiovisual dan sumber elektronik.



- Memantapkan koleksi Malaysiana dan luar Negara melalui pengesanan/perolehan.
- Mengurus dan menyelaras Sistem Pembekalan Penerbitan dari dalam dan luar Negara.
- Menyebar ilmu yang terakam dalam bahan nadir dan koleksi peribadi melalui penyelidikan penerbitan.

- Mengurus dan melaksanakan perkhidmatan rujukan koleksi khas Havard, PBB dan ASEAN.
- Mengurus dan melaksana program promosi koleksi Malaysiana dan luar Negara.

- Menyediakan perkhidmatan rujukan dan penyelidikan dalam dan luar Negara.
- Promosi, Penerbitan dan Pameran dalam dan luar Jabatan.

- Merancang, mengurus dan melaksana penyelarasan pembinaan dan penyenggaraan koleksi audiovisual dan sumber elektronik.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan penyelarasan pembinaan dan penyenggaraan koleksi audiovisual dan sumber elektronik.

- Merancang, mengurus dan melaksanakan penyenggaraan perkakasan dan peralatan alat pandang dengar jabatan.
- Mengurus dan melaksanakan rakaman fotografi dan video untuk rujukan jabatan.

- Merancang, mengurus dan mengendalikan pendidikan kakitangan berkaitan perkhidmatan audiovisual dan sumber elektronik.
- Merancang, mengenalpasti keperluan dan perolehan alat pandang dengar jabatan.

- Mengurus dan mendokumentasi bahan rakaman fotografi dan video untuk rujukan jabatan.
- Mengurus dan menyelaras bekalan pejabat (audio visual secara berpusat) jabatan.




PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) menyediakan kemudahan rujukan bahan terbitan tempatan dan luar negara. Pelbagai jenis sumber perpustakaan yang disediakan bagi tujuan rujukan seperti monograf, terbitan bersiri, mikrofilem, surat khabar dan pangkalan data. Disamping itu, PNM turut menyediakan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP).


Sebanyak 105,782 koleksi Malaysiana telah dirujuk oleh pembaca (Jadual I). Sejumlah 12,564 pertanyaan arah tunjuk dan 24,758 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab serta 827 permohonan SPP diterima.


Jadual I: Pencapaian Perkhidmatan Rujukan Malaysiana



Manakala bagi koleksi luar Negara, sebanyak 81,858 koleksi Luar Negara (Jadual II) telah dirujuk oleh pembaca. Sebanyak 2,264 pertanyaan arah tunjuk dan 1,910 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab.

Jadual II: Pencapaian Perkhidmatan Rujukan Luar Negara






PROGRAM PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA SEPANJANG TAHUN 2017

Pelbagai program dan aktiviti keilmuan bagi menyokong peranan PNM sebagai gedung ilmu telah diadakan. Program yang berbentuk ceramah, wacana dan pameran adalah bertujuan untuk menjadikan PNM sebagai organisasi intelektual yang terulung dalam penyebaran ilmu. Antara program dan aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

BIL	BULAN/ TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT
1	13 April 2017	**Bicara Havard** 'Role of Media in Society' oleh En. Malek Ali	Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari, PNM
2	6 Jun 2017	**Wacana Pemikir** 'Puasa ke Arah Transformasi Diri' oleh YBhg. Sahibus Samahah Datuk Dr.Zulkifli Mohamad Al-Bakri	Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari, PNM
3	14 - 31 Ogos 2017	Pameran 'Memori Kegemilangan Sukan SEA'	Dewan Pameran, Aras 1, Anjung Bestari, PNM
4	26 Ogos 2017	Singgah Santai@Merdeka	Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari, PNM dan Perkarangan PNM
5	29 Ogos 2017	**Kalam Karyawan** Sasterawan Negara YBhg. Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan	Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari, PNM
6	26 September 2017	**Wacana Pemikir** 'Pudarnya Nilai Insan: Salahkah Teknologi' oleh YBhg. Datuk Prof. Dr Azizan Baharudin	Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari, PNM
7	30 September 2017	Bengkel 'Mari Belajar Bahasa Melayu' untuk Warganegara Asing	Bilik Syarahan, Aras 5 Anjung Bestari PNM
8	14 Oktober 2017	Bengkel 'Mari Belajar Bahasa Melayu' untuk Warganegara Asing	Bilik Syarahan, Aras 5, Anjung Bestari, PNM
9	28 Oktober 2017	Bengkel 'Mari Belajar Bahasa Melayu' untuk Warganegara Asing	Bilik Syarahan, Aras 5, Anjung Bestari, PNM
10	28 Oktober 2017	Singgah Santai @PNM #SemarakBahasa	Perkarangan PNM
11	9 November 2017	**Kalam Karyawan** Sasterawan Negara YBrs. Prof. Emeritus Dr. Muhammad Hj. Salleh	Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari, PNM
12	14 November 2017	**Bicara Havard** 'Memupuk Kewarganegaraan di Malaysia' oleh YAB Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid	Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari, PNM
13	1 – 31 Disember 2017	Pameran 'Malaysiaku Indah : Panorama Flora & Fauna'	Ruang Lobi, Aras 1, Anjung Bestari PNM





PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU

Salah satu peranan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia ialah menyediakan perkhidmatan rujukan dan penyelidikan manuskrip Melayu kepada para penyelidik dalam dan luar negara. PKMM menyediakan perkhidmatan rujukan dan penyelidikan bagi manuskrip Melayu yang terdiri daripada koleksi-koleksi tulisan Jawi bertulis tangan yang mencapai usia sekurang-kurangnya 100 tahun atau lebih. Koleksi manuskrip Melayu ini boleh diakses di Aras 11, Menara PNM.


PKMM telah memberikan perkhidmatan kepada 370 orang penyelidik (kajian penyelidikan) (Jadual I) dan 2748 orang (pembaca dan pelawat). Statistik pada tahun 2017 juga menunjukkan penyelidik telah merujuk kepada 985 naskhah asal manuskrip Melayu (Jadual II) dan 147 gegelung salinan mikrofilem. Sementara 431 pertanyaan rujukan ringkas dan 861 pertanyaan penyelidikan yang telah diterima dan diberi maklum balas bagi tahun 2017.

Jadual I: Statistik Penyelidik Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu bagi Tahun 2017






Jadual II: Statistik Koleksi Bahan Yang di Rujuk di PKMM bagi Tahun 2017





Manuskrip Asal



Mikrofilem

Jadual III: Statistik Pertanyaan Rujukan di PKMM bagi Tahun 2017





PROGRAM/AKTIVITI PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU 2017

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU 2017

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017 telah diadakan dengan tema "Menjunjung Warisan Pusaka, Menjulang Peradaban Bangsa". Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Omar bin Mohd Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif, Persatuan Sejarah Malaysia. Manakala YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal bin Kling telah menyampaikan ucaptama bertajuk "Manuskrip dan Pembinaan Peradaban Malaysia". Sebanyak 28 kertas kerja telah dibentangkan dalam persidangan ini yang melibatkan agamawan, saintis, ahli arkeologi, ahli akademik, ahli filologi, sejarawan dan ahli linguistik.

BIL	BULAN/ TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT
1	2 Mac 2017	Kosmologi Islam dan Penerokaan Alam Kosmos	Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari, PNM
2	12 Julai 2017	Hilir Mudik Misa Melayu : Menilai Kembali Kajian Lalu	Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari, PNM
3	16 Ogos 2017	Hang Tuah : Patrotisme Wira Melayu	Dewan Aminuddin Baki, Institut Pendidikan Guru, KL
4	19 September 2017	Seminar Karakteristik dan Iluminasi Mushaf Al-Quran Nusantara 2017	Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari, PNM
5	10-12 Oktober 2017	Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu	Auditorium, Aras 2, PNM
6	10 Oktober – 30 November 2017	Pameran Asal Usul dan Bukti Keintelektualan Melayu	Ruang Pameran PNM



YBhg. Tan Sri Omar bin Mohd Hashim, memotong riben sebagai simbolik perasmian Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu dibantu oleh YBhg. Dato' Nafisah Ahmad dan disaksikan oleh YBhg. Datuk Dr. Zainal Kling dan Dr. Harun Mat Piah.







Sekitar Seminar Karakteristik dan Iluminasi Mushaf Al-Quran Nusantara 2017 pada 19 September 2017

BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyediakan perkhidmatan bahan sumber elektronik dalam pelbagai subjek untuk pengguna perkhidmatan berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi ICT boleh dirujuk oleh pengguna perpustakaan di *Samsung Smart Library* (SSL), Perkhidmatan Zon Siber dan Perkhidmatan Pusat Hipermedia Dewasa. Sebagai memperluaskan perkhidmatan kepada golongan kurang upaya satu Sudut Maklumat OKU telah diwujudkan pada 14 September 2017.

Statistik Penggunaan Perkhidmatan





ZON SIBER

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA






PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI

FUNGSI BAHAGIAN

01 BAHAGIAN PINJAMAN


- Mengurus perkhidmatan sirkulasi bahan kepada pengguna remaja, dewasa, kanak-kanak, kelompok dan Perpustakaan Komuniti.
- Menyedia dan menyelaras aktiviti galakan membaca (aktiviti dalaman) kepada peminjam
- Mengurus penerimaan bahan koleksi pinjaman dewasa, kanak-kanak, kelompok dan Perpustakaan Komuniti termasuk koleksi u-Pustaka.



dewasa dan kanak-kanak serta Perpustakaan Komuniti.

- Merancang hubungan kerjasama dengan Institusi luar untuk aktiviti galakan membaca.
- Merancang promosi untuk meningkatkan keahlian pinjaman kelompok.
- Mengadakan lawatan dan pemantauan ke Institusi berdaftar bagi pinjaman kelompok.

- Menyelenggara bahan koleksi pinjaman dewasa, kanak-kanak, kelompok dan Perpustakaan Komuniti.
- Menyelaras perkhidmatan Pusat Hipermedia Kanak-kanak.
- Mengurus perkhidmatan sirkulasi bahan u-Pustaka di Kaunter.



BAHAGIAN PINJAMAN

Sejajar dengan usaha PNM dalam mewujudkan masyarakat Malaysia yang mengamalkan tabiat membaca dan mencintai ilmu pengetahuan, Bahagian Pinjaman sentiasa memastikan perkhidmatan pinjaman buku yang disediakan untuk pengguna dewasa dan kanak-kanak adalah berkualiti dan terkini. Mendepani kehendak pelanggan masa kini dan selaras dengan usaha membudayakan tabiat membaca, bahagian ini juga lebih responsif dan proaktif dengan menyediakan pelbagai aktiviti galakan membaca dan galakguna perpustakaan yang lebih menarik dengan diserapkan elemen media interaktif dan penggunaan gajet terkini. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan falsafah PNM iaitu bagi membina bangsa Malaysia berbudaya membaca dan cintakan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat ke arah memartabatkan tradisi keilmuan.

Bahagian Pinjaman terbahagi kepada 4 unit iaitu:-

(a) Unit Pinjaman Dewasa


(b) Unit Kanak- kanak


(c) Unit Pinjaman Berkelompok

(d) Unit Perpustakaan Komuniti

PERKHIDMATAN


Bahagian Pinjaman dalam usaha untuk mencapai objektif bahagian telah berusaha menyediakan perkhidmatan pinjaman yang berkualiti dan meningkatkan pengurusan koleksi pinjaman. Statistik aktiviti sirkulasi mengikut unit sepanjang tahun 2017 adalah seperti di bawah:





Penambahan ini menjadikan koleksi berjumlah 902,468 naskhah sehingga akhir tahun 2017, manakala bagi Perpustakaan Komuniti pula, jumlah koleksi kumulatif ialah sebanyak 85,337 naskhah.

Jumlah penerimaan koleksi bahan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:



PENERIMAAN BAHAN 2017


Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok

Perkhidmatan ini disediakan kepada institusi/jabatan yang tidak mempunyai atau kurang peruntukan untuk perolehan koleksi bahan bacaan. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi galakan dan sokongan kepada pertubuhan, persatuan, institusi, jabatan, kementerian, syarikat swasta, sekolah, institut pengajian tinggi dalam usaha mereka menyediakan kemudahan membaca dan seterusnya memupuk minat membaca di kalangan orang ramai.

Sesebuah institusi/jabatan yang telah berdaftar boleh meminjam sebanyak 400 buah buku untuk tempoh tiga (3) bulan. Institusi/jabatan tersebut bertanggungjawab terhadap buku yang mereka pinjam tertakluk kepada syarat dan peraturan Pinjaman Berkelompok. Sehingga Disember 2017, Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok mempunyai 588 keahlian.

Perkhidmatan Pinjaman Perpustakaan Komuniti

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan kecemerlangan budaya ilmu kepada masyarakat dalam pembangunan negara, PNM telah mengambil inisiatif dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program untuk menarik minat masyarakat tempatan antaranya adalah dengan penubuhan Perpustakaan Komuniti.



Perpustakaan Komuniti berfungsi sebagai pusat maklumat setempat bagi memudahkan masyarakat mengakses bahan-bahan bacaan dan maklumat dengan mudah dan cepat di tempat-tempat tumpuan utama masyarakat bandar. Selain ini, perpustakaan komuniti juga menggalakkan dan memupuk amalan budaya membaca dengan membawa bahan-bahan bacaan dekat dengan masyarakat setempat di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

Perpustakaan Negara Malaysia memberi perkhidmatan di empat (4) buah perpustakaan komuniti seperti berikut:

(a) Perpustakaan Komuniti AEON Mahkota Cheras (PKMC)

(b) Perpustakaan Komuniti AEON AU Setiawangsa (PKAU2)

(c) Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD)

(d) Perpustakaan Komuniti Mini UTC Keramat Mall (PK Mini UTC Keramat)


Aktiviti Galakan Membaca

Sepanjang tahun 2017, Bahagian Pinjaman telah melaksanakan aktiviti galakan membaca dan galak guna perpustakaan dengan kerjasama sukarelawan, NGO, Kementerian Kesihatan Malaysia, Perbadanan Kota Buku, Aswara, Universiti Teknologi MARA, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Persatuan Penulis, Kolej Perkembangan Awal Kanak-kanak, (KPAKK), Kementerian Pertahanan dan lain-lain. Sebanyak 84 aktiviti galakan membaca telah diadakan pada tahun 2017 yang melibatkan keluarga, remaja, dewasa dan kanak-kanak. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Singgah Santai@PNM #Relakslah Dulu...

Program Singgah Santai @PNM merupakan aktiviti berskala sederhana yang merupakan jenama baharu aktiviti galakan membaca dengan usaha memberi galakan kepada pengunjung untuk mengunjungi dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan serta melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti menarik yang mampu meransang perkembangan minda dan interaksi sosial mereka. Sepanjang 2017, sebanyak lima siri Program Singgah Santai telah diadakan iaitu pada 25 Mac 2017, 22 Julai 2017, 26 Ogos 2017, 30 September 2017 dan 28 Oktober 2017.

Antara pengisian aktiviti adalah Sesi Temu Mesra Penulis, Bengkel *Speed Reading*, Puisi Muzikal Merdeka, Konsert Mini Jiwa Merdeka Anak Malaysia, Program Saintis Muda, Demonstrasi Permainan Tradisional, Bengkel Literasi Media dan Maklumat, Konsert Mini Dari Buku ke Lagu, *Let's Smile Together*, Aktiviti Kraftangan, Aktiviti Jawi, jualan buku *Car Book Sale*, Jualan Produk, Pameran oleh agensi seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Warisan, Utusan Karya, *National Autism Society of Malaysia* (NASOM), *Malaysian Association for the Blind*, *KL Braille*, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor serta pameran produk PNM. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan dari kanak-kanak serta keluarga dengan jumlah pengunjung seramai 13,101 orang sepanjang kelima siri program ini berlangsung.



Program Riang Ria Membaca

Program Riang Ria Membaca merupakan program yang dijalankan untuk kanak-kanak yang melibatkan pelbagai kaedah yang mampu merangsang imaginasi, kreativiti, inovasi dan meningkatkan tahap keyakinan kanak-kanak.

Program ini diadakan dengan lebih kerap pada cuti penggal persekolahan dan antara aktiviti yang dijalankan adalah Sesi Bercerita, Kelab Teater Kanak-Kanak PNM, Kraftangan, Bengkel, Pertunjukan Boneka, InfoHunt, Literasi Media dan Maklumat dan lain-lain.



Aktiviti Lestari Hijau bersama YBhg Datuk Rashidi Hasbullah, Timbalan Ketua Setiausaha (K) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pada 25 Mac 2017



Happylicious Hour Bersama Puan Mohana Gill sempena Singgah Santai



Pertandingan Busana Merdeka Si Cilik

PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS



Perpustakaan Awam Negeri Perlis diketuai oleh Pengarah, dengan dibantu oleh 29 kakitangan sokongan dan 81 kakitangan kontrak.

PROGRAM JABATAN

Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah melaksanakan beberapa program dalam usaha menyemarakkan budaya membaca. Turut diadakan program pembangunan sumber manusia untuk kakitangan. Sebanyak 16 program yang diadakan antaranya adalah Kem Membaca 1Malaysia (Program NBOS BTPN Perlis), Jom pi Perpustakaan @ Perpustakaan Pekan Arau, Karnival Membaca Perlis 2017 dan Program Jelajah Ilmu.

Selain itu terdapat juga program berskala kecil yang telah dijalankan dalam mempromosikan budaya membaca. Program – program ini adalah anjuran Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan juga kerjasama dengan lain – lain jabatan di negeri ini. Perpustakaan Awam Negeri Perlis juga terlibat dengan program – program anjuran agensi lain seperti Program MQA Cakna 2017, Saringan Pesta Pantun Terbuka Negeri Perlis, Larian 1 Malaysia sempena Sambutan Hari Malaysia dan Pertandingan Pantun Peringkat Akhir.

Latihan

Turut diadakan sebanyak 27 program pembangunan sumber manusia untuk kakitangan sama ada yang disediakan oleh Perpustakaan Awam Negeri Perlis atau jemputan agensi luar sebagai langkah meningkatkan kompetensi kakitangan ni dalam dunia perpustakaan dan kepustakawan. Antaranya adalah ceramah motivasi pembangunan kerjaya "Bila Nak Berubah", Kursus Pengurusan Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat Berkualiti, Seminar Semangat Membara dan Taklimat Tatacara Perolehan Kerajaan.

Latihan dan Khidmat Nasihat

Perpustakaan Awam Negeri Perlis turut terlibat dalam menyediakan bengkel serta latihan kepada jabatan atau organisasi yang berkeperluan. Sebanyak sembilan sesi latihan yang telah berjaya iaitu Bengkel *Get To Know To Your Library* untuk Pengawas Perpustakaan, Taklimat Nilam Ditambah Baik mengkhusus kepada perkhidmatan perpustakaan serta aktiviti galakan membaca kepada Guru Perpustakaan dan Media, Bengkel Literasi Maklumat kepada Guru Perpustakaan dan Media, Bengkel Pemantapan Perpustakaan Permainan Kanak – kanak, Ceramah Literasi Maklumat dan Media, Bengkel Penulisan Kreatif Guru Perpustakaan dan Media dan pelajar sekolah – sekolah negeri Perlis, Bengkel Literasi





Maklumat dan Citation, Taklimat Penubuhan Perpustakaan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Bengkel Penulisan Kreatif Guru Perpustakaan dan Media.

Kerjasama Strategik

Satu Majlis Menandatangani MoU Program Pembangunan Pusat Sumber Sekolah antara Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Perlis telah berjaya dimeterai (pada 2 Oktober 2017) di SK Padang Keria. Melalui perjanjian ini, Perpustakaan Awam Negeri Perlis akan menjalankan kerjasama strategik dalam tiga perkara iaitu khidmat bantu bahan, kepakaran dan menjalankan aktiviti (networking).

Pameran

Sebanyak 8 pameran telah diadakan iaitu:

(a) Pameran Hari Buku sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia

(b) Pameran Vandalism Buku – buku Perpustakaan

(c) Pameran Fotografi "Perlis Permai Lagi Mempesona"

(d) Pameran buku baharu yang di adakan sepanjang tahun

(e) Pameran Pendidikan Pengguna

(f) Pameran Buku Dewan Bahasa dan Pustaka

(g) Pameran agensi SPR, Bank Persatuan dan LPPKN

(h) Pameran Agensi Sempena Karnival Membaca Perlis 2017 seperti AADK, SPR, JKJR dan agensi – agensi lain.



Pameran, Promosi dan Kempen Daftar Ahli

Pada tahun 2017, sebanyak 19 siri pameran, promosi dan Kempen Daftar Ahli telah dijalankan atas permintaan agensi dan jabatan di negeri Perlis dan juga sekolah – sekolah. Pelbagai pengisian menarik antaranya Pameran Rangkaian Perpustakaan, Pameran Buku, Sudut Permainan Ilmu, Jejak Maklumat, Kempen Daftar Ahli dan lain – lain lagi.

Lawatan

Perpustakaan Awam Negeri Perlis turut menerima 27 lawatan berpandu dan rasmi dalam dan luar negeri. Antaranya adalah dari Tabika KEMAS Perlis, Brainy Brunch, UiTM Arau dan Maktab Rendah Sains MARA Langkawi.








MAJLIS PELANCARAN PROGRAM
#MALAYSIA NGAJI
Satu jam bersama al Quran



KARNIVAL MEMBACA
PERLIS 2017
25-30 JULAI 2017

STATISTIK PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS

JANUARI – DISEMBER 2017

KEAHLIAN		PENGUNJUNG		PENGGUNA		PINJAMAN BAHAN		PENGGUNA IT	
283	422	12,243	114,197	7,497	99,629	3,634	10,283	1,912	12,929
75	160	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
329	364	20,490	45,999	17,547	35,800	7,353	10,602	8,277	17,421
874	174	17,032	3,547	14,688	3,057	16,846	4,329	672	911
382	325	4,348	1,888			59,895	49,786	4,226	1,806
1,408	1,412	68,983	58,735	64,526	52,963	436	88	30,513	30,692
74	43	1,829	546	1,829	541	T/B	T/B	1,197	197
3,425	2,900	124,925	224,912	106,087	191,990	88,164	75,088	46,797	63,956

- NEGERI
- KEMPEN DAFTAR AHLI
- PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN PEKAN (4 BUAH)
- PERPUSTAKAAN BERGERAK (3 BUAH)
- *SAMSUNG SMART LIBRARY*
- PERPUSTAKAAN DESA (37 BUAH)
- PERPUSTAKAAN KOMUNITI UTC KANGAR



PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA

FUNGSI BAHAGIAN

01 BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN (BRSP)

- Merancang, mengurus dan memantau perkhidmatan sistem u-Pustaka serta menjadi urus setia bagi mesyuarat-mesyuarat berkaitan u-Pustaka.

02 BAHAGIAN KANDUNGAN DIGITAL (BKD)

- Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau pembangunan serta penyelenggaraan kandungan dan aktiviti digital Jabatan.


03 BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DIGITAL (PMO)

- Merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan projek-projek baharu berkaitan perpustakaan digital serta menyelaras dan melaksana penilaian projek melalui kajian impak.

- Merancang dan memantau pangkalan data, modul serta sistem perpustakaan bersepadu (ILS) Jabatan dan memantau aksesibiliti pangkalan data yang dilanggan.
- Merancang dan memberi khidmat nasihat, bantuan teknikal dan latihan berkaitan ILS, sistem RFID, sistem repositori digital, aplikasi lain berkaitan perpustakaan serta menjalankan R & D kepada sistem dan aplikasi terkini.
- Menggubal / mengemaskini dasar, garis panduan serta standard berkaitan pendigitalan / kandungan digital serta memberi khidmat berkaitan pendigitalan.
- Merancang dan melaksana program latihan berkaitan projek perpustakaan digital serta menjalin hubungan dan kerjasama dengan perpustakaan / institusi luar berkaitan perpustakaan digital.
- Menyelaras pemasaran dan promosi projek perpustakaan digital baharu serta menjadi penyelaras kepada pendedahan teknologi baharu berkaitan perpustakaan digital.

PERKHIDMATAN u-PUSTAKA (www.u-pustaka.gov.my)

Perkhidmatan u-Pustaka merupakan *touch-point* kepada rakyat untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan tanpa perlu ke perpustakaan. Perkhidmatan ini boleh dilayari melalui www.u-pustaka.gov.my. Sehingga kini Portal u-Pustaka juga dilayari bukan sahaja oleh rakyat dari dalam Negara malahan juga melangkaui 140 buah Negara di dunia. Pelbagai kandungan digital disediakan bagi memenuhi keperluan intelektual setiap lapisan masyarakat. Sepanjang tahun 2017, portal u-Pustaka telah menerima sebanyak 102,184 sesi lawatan dan 370,764 page views.



Keahlian u-Pustaka

Jumlah keseluruhan ahli u-Pustaka sehingga akhir 2017 adalah seramai 429,040 orang dan seramai 15,107 ahli baharu u-Pustaka telah didaftarkan.

Transaksi Pinjaman Dalam Talian

Secara kumulatif (2011 - 2017) jumlah keseluruhan buku yang telah dipinjam oleh ahli u-Pustaka adalah sebanyak 11,490 naskah. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 632 buah buku telah dipinjam oleh ahli u-Pustaka secara dalam talian.



Promosi Perkhidmatan u-Pustaka

Sebanyak 37 aktiviti promosi perkhidmatan u-Pustaka telah dilaksanakan di Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, sekolah dan di beberapa program dan karnival yang dianjurkan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Projek Perluasan u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara

Projek Perluasan u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara merupakan projek utama jabatan di bawah RMKe-11 (RP2) yang bermula pada akhir 2017. Tiga komponen utama projek ialah pembangunan Katalog Induk Kebangsaan, Repositori Digital dan Perluasan u-Pustaka ke empat (4) lagi Perpustakaan Awam Negeri (PAN) iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah. Objektif utama projek ini adalah untuk menyambung aspirasi kerajaan untuk mewujudkan masyarakat berilmu pengetahuan berasaskan ekonomi melalui penggunaan perkhidmatan perpustakaan digital.

MENAIKTARAF SISTEM PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

Sistem Pengurusan Perpustakaan (LMS)

Projek menaiktaraf Sistem Pengurusan Perpustakaan (Virtua) dari versi 2013.2.2 ke versi 2016.1 SP3 selesai dilaksanakan pada September 2017. Peningkatan sistem ini selari dengan teknologi semasa, peningkatan fungsi baharu dan penambahbaikan di dalam sistem secara global termasuk mematuhi standard antarabangsa ISO 2709. LMS digunakan untuk mengurus, menyimpan dan mengakses kembali rekod pengguna, dan koleksi perpustakaan, selain pengurusan perolehan koleksi perpustakaan, pendokumentasian dan sirkulasi.



KHIDMAT NASIHAT SISTEM KOHA

Sistem KOHA adalah Sistem Pengurusan Perpustakaan menggunakan sumber terbuka (open source). KOHA berasal dari istilah Māori yang bermaksud hadiah atau sumbangan.

Sistem KOHA berasaskan web menggunakan pangkalan data SQL (*Structured Query Language*). Fungsi Sistem Koha sama seperti sistem perpustakaan bersepadu yang dibangunkan secara komersial dan disimpan dalam format MARC (*Machine-Readable Cataloging*). Boleh diakses melalui Z39.50 atau SRU (*Search/Retrieve using URL*). Antara muka bagi paparan pengguna boleh dikonfigurasi dan disesuaikan mengikut keperluan dan kehendak pengguna.

Sepanjang 2017, PNM berjaya memberi khidmat nasihat teknikal dan membantu Jabatan/ Agensi mengimplementasi Sistem KOHA termasuk memberi latihan penggunaan semua modul di empat (4) perpustakaan berikut :

(a) Perpustakaan Akademi Kastam Diraja Malaysia, Melaka

(b) Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya

(c) Perpustakaan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Kuala Lumpur

(d) Perpustakaan Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya

BAHAGIAN KANDUNGAN DIGITAL




Aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan sentiasa dijalankan selaras sebagai satu usaha PNM untuk menyediakan akses kepada sumber-sumber perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat untuk rujukan pengguna perpustakaan secara digital seiring dengan perkembangan teknologi semasa.


Koleksi yang diberi keutamaan dalam proses pendigitalan adalah manuskrip Melayu iaitu bahan-bahan yang mempunyai nilai warisan yang tinggi yang menunjukkan keintelektualan Melayu, buku nadir iaitu buku-buku yang mempunyai maklumat tentang Tanah Melayu dan Malaysia yang diterbitkan

STATISTIK PENDIGITALAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN
JENIS BAHAN, JUDUL DAN MUKA SURAT YANG DIDIGITALKAN BAGI TAHUN 2017


BIL	JENIS BAHAN	JUDUL	MUKA SURAT
1.	Terbitan Jabatan		
	(a) Jurnal Fiologi Melayu	4	616
	(b) Monograf	12	2,084
2.	Koleksi Jabatan		
	(a) Koleksi Peribadi	386	95,603
	(b) Buku Nadir	104	25,971
	(c) Manuskrip Melayu	72	8,797
	(d) Koleksi Negara	9	1,848
	(e) Keratan Surat Khabar/Majalah/Jurnal		
	(i) Umum	678	678
	(ii) Berkaitan Jabatan, Pembacaan & Kepustakawanan	385	385
	(f) Foto	7	123
	(g) Koleksi Fana (Sampul Surat Hari Pertama)	1	40
	(h) Bahan AV		
	(i) Projek Khas (Buku, Majalah, Terbitan Bersiri dsb)	1	132
JUMLAH		**1,659**	**136,277**




sebelum 1950-an, Koleksi Peribadi merupakan himpunan ilmu dan maklumat yang dimiliki oleh orang perseorangan, tokoh-tokoh ilmuan, cendikiawan, budayawan, negarawan atau pengkaji yang banyak memberi sumbangan kepada ketamadunan manusia dan Koleksi Negara iaitu bahan perpustakaan yang diterima bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Sepanjang tahun 2017, sebanyak 1,659 judul bahan perpustakaan telah berjaya diproses dan ditukar ke format digital dengan jumlah muka surat sebanyak 136,277 muka surat.




Proses pendigitalan



Sebagai inisiatif untuk mempergiatkan lagi aktiviti mempromosikan bahan digital ini, PNM telah menaiktaraf 1 (satu) unit *kiosk housing* yang sesuai bagi melindung *display device* bagi Kiosk Digital tahun 2013 dan kiosk berkenaan dijenamakan semula dengan nama Kiosk Digital@PNM serta



menambah 250 judul baharu iaitu 100 judul manuksrip Melayu, 75 judul Koleksi Nadir dan 75 judul Koleksi Peribadi, menjadikan keseluruhan judul yang terdapat dalam kiosk digital ini adalah sebanyak 1,314 judul.



BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DIGITAL

SISTEM PENGURUSAN PENGETAHUAN

Sistem Pengurusan Pengetahuan (KM) di PNM telah dirancang secara strategik dan termaktub dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PNM. Sistem KM telah mula digunakan sejak Februari 2014.


Tujuan sistem KM dibangunkan adalah untuk mengumpul dokumen-dokumen daripada pelbagai sumber yang ada berkaitan dasar, pembangunan, operasi dan pelaksanaan yang berkaitan Perpustakaan Negara Malaysia.

Sistem KM boleh diakses melalui Portal VShare iaitu https://vshare.pnm.gov.my. Sistem ini dibangunkan dengan kerjasama MAMPU sebagai salah satu usaha menggalakkan perkongsian pengetahuan dalam kalangan warga PNM untuk meningkat kompetensi diri dan organisasi demi kecemerlangan perkhidmatan.

Portal VShare menjadi medium perantara yang digunakan dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan dan perkongsian dalam *team site* seperti *Team Site* Literasi Maklumat dan Penasihat Pembaca@PNM. Setiap bahagian telah melantik seorang pegawai KM bagi memastikan pelaksanaan dan penggunaan Portal VShare di peringkat bahagian lebih lancar dan terancang.

Pada tahun 2017, terdapat penambahan lima (5) *Team Site* iaitu:

PROJECT SITE	COMMUNITY SITE	TEAM SITE
Sedia ada : Knowledge Management System	Sedia ada : Sistem Pengurusan Kualiti	Sedia ada : Literasi Maklumat
International Digital Library Conference (IDLC 2014)	JPICT	Media Sosial
Pelan Strategik Teknologi Maklumat	Barisan Pengurusan	Penasihat Pembaca@PNM
Menaik taraf Talian 1Gov*Net PNM	Pengurusan Tertinggi	Baharu : PerpustakaanDesa@PNM
Perolehan Peralatan ICT PD 2014		Cataloguers@PNM
Sistem Pengurusan Perpustakaan Desa		BTM
Tender Penyewaan Perkakasan ICT PNM		
Baharu : Pemantauan Kontrak Jabatan		
MS ISO 9001:2008 BTM/BRSP		



Statistik perkongsian maklumat yang terkumpul di Portal VShare sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

(a)	Jumlah Dokumen	-	3,816
(b)	Jumlah Foto	-	1,700
(c)	Jumlah Hits	-	187,497

Sebanyak tujuh (7) sesi *hands-on* penggunaan Portal VShare telah dilaksanakan pada tahun 2017 bagi tujuan *refresher* penggunaan Portal VShare dan pendedahan kepada pegawai baharu di PNM.

TECHNOLOGY UPDATE

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mencapai satu tahap di mana ICT telah menampakkan pengaruh yang besar dalam kehidupan manusia. Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masa kini, PNM memberi fokus terhadap pemerkasaan perkhidmatan perpustakaan yang berteraskan pengaksesan maklumat secara digital.

Bahagian Pengurusan Projek Digital (PMO Digital) bertanggungjawab menyelaras pendedahan teknologi baharu (*technology update*) berkaitan perpustakaan digital. Pelaksanaan *technology update* adalah untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan berkaitan perkembangan teknologi baharu yang relevan di perpustakaan serta bagi menyediakan platform untuk mendapatkan idea dalam merancang dan membangunkan inisiatif digital. Pendekatan yang diambil ialah dengan mengadakan sesi pembentangan dan demo produk serta taklimat berkaitan inisitif digital yang telah dilaksanakan oleh agensi lain kepada kumpulan sasaran tertentu.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak empat (4) Sesi *Technology Talk and Update* mengenai pelbagai produk dan inisiatif digital telah berjaya diketengahkan iaitu:

Sesi 1

DEMO TEKNIKAL SISTEM KOHA UNTUK PROJEK KATALOG INDUK KEBANGSAAN (KIK) pada 11 April 2017

KOHA for KIK

Disampaikan oleh Encik Jasmin B. Jaimon, Ketua Pustakawan USIM & Encik Muhammad Hafizi Ahmad, Ketua Unit Pengurusan Sistem Perpustakaan USIM.

USIM Pintar ILL Integration Module

Disampaikan oleh Encik Heng Lee Kai, Jurutera Aplikasi Pintaran IT Sdn Bhd & Encik Helmi Masor@Mansor, Ketua Bahagian Teknologi dan Repositori USIM.

PROJEK PENDIGITALAN KOLEKSI PNM

DSPACE for Digital Collection

Disampaikan oleh Encik Shafrizan Affendi Shaffari, Pustakawan Unit Sokongan Pengurusan Maklumat USIM.



Sesi 2

DEMO SISTEM PERPUSTAKAAN ELIAS KNOWLEDGE AND CONTENT MANAGEMENT SYSTEM (EKCMS) OLEH ELECTRIC LIBRARY pada 30 MEI 2017

Sesi 3

DEMO TEKNOLOGI RFID OLEH WAVE TECH pada 15 OGOS 2017

Sesi 4

PROGRAM PUSTAKAWAN BITE DI USIM pada 16 OKTOBER 2017

- Kepenggunaan Teknologi Media untuk Perkhidmatan Perpustakaan oleh wakil UTM
- Technology Update - Integrated Document & Electronic Record Management System (iDeM) oleh Pro Office Shoppe Sdn Bhd
- Technology Talk – Internet of Things (IoT) and Security oleh Onemyr Awaresness Management

Penggunaan Perisian Sumber Terbuka untuk Kerja-kerja Dokumentasi Pejabat oleh wakil UPM

Muka depan Portal Knowledge Management PNM (VShare)












Sesi Demo Teknikal Sistem KOHA untuk Projek Katalog Induk Kebangsaan (KIK) dan Projek Pendigitalan Koleksi PNM pada 11 April 2017



Sistem Pengurusan Kualiti

PELAKSANAAN AUDIT KUALITI MS ISO 9001:2008

PNM telah menjalani audit kualiti seperti di bawah:

(a) Audit Dalaman MS ISO Bil. 1/2017 pada 13 – 15 Februari 2017;

(b) Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 4 & 5 April 2017.

MESYUARAT DAN PERBINCANGAN MS ISO

Jawatankuasa Pelaksana MS ISO PNM telah mengadakan mesyuarat seperti di bawah:

(a) Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana (JKP) MS ISO PNM Bil. 1/2017 dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah selaku Wakil Pengurusan pada 16 Mac 2017.

(b) Perbincangan Penemuan Peluang Penambahbaikan (OFI) Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dipengerusikan oleh Encik Abdul Rahman Sudin, Pengarah PERDANA selaku Timbalan Wakil Pengurusan pada 14 April 2017.

(c) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Tahun 2017 dipengerusikan oleh Ketua Pengarah selaku pada 7 Ogos 2017.

(d) Perbincangan Status Tindakan Pembetulan Peluang Penambahbaikan (OFI) Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bersama-sama dengan Ketua Sistem Audit , Timbalan Ketua Sistem Audit dan semua juruaudit dalaman pada 6 Julai 2017.

(e) Mesyuarat Penyemakan Prosedur MS ISO 9001:2015 dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah selaku Wakil Pengurusan pada 18 Ogos 2017.

(f) Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana (JKP) MS ISO PNM Bil. 2/2017 dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah selaku Wakil Pengurusan pada 9 Oktober 2017.

(g) Mesyuarat Penguatkuasaan Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2015 dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah selaku Wakil Pengurusan pada pada 22 Disember 2017.

(h) Perbincangan Dokumentasi MS ISO 9001:2015 yang diketuai oleh Wakil Pengurusan diadakan secara berterusan bagi menyiapkan keperluan dokumentasi MS ISO 9001:2015 bermula daripada bulan Jun sehingga September 2017.

LATIHAN SPK

Latihan SPK yang telah dilaksanakan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

(a) Bengkel Pendokumentasian MS ISO 9001:2015

Jabatan telah mengadakan Bengkel Pendokumentasian MS ISO 9001:2015 pada 3 hingga 5 Mac 2017 bertempat di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT), Bukit Tinggi, Pahang. Bengkel ini telah dihadiri oleh Wakil Pengurusan, Timbalan Wakil Pengurusan, Ketua Sistem Audit, Timbalan Ketua Sistem Audit, Pengurus Dokumen, Pengarah, Timbalan Pengarah selaku pemilik proses,



Ketua Unit Integriti, dan urus setia. Tenaga pengajar yang dilantik untuk mengendalikan bengkel ini ialah Puan Nurrul Fazara Ab Rashid daripada SIRIM STS Sdn. Bhd.

(b) Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Taklimat EKSA kepada semua kakitangan PNM telah diadakan pada 31 Mac 2017. Taklimat ini dikendalikan oleh penceramah yang dijemput daripada Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Razak (IPPTAR).

(c) Pelaksanaan Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001:2015

Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 10 hingga 12 Oktober 2017 bertempat di Bilik Syarahan, Aras 5, Anjung Bestari. Kursus tersebut dihadiri oleh semua juruaudit dalaman seramai 24 orang. Tenaga pengajar bagi kursus ini ialah Encik Basri Zainol daripada SIRIM STS Sdn. Bhd.

(d) Sesi Perkongsian Penambahbaikan Pengauditan MS ISO 9001:2008

Sesi perkongsian penambahbaikan pengauditan MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 10 Julai 2017 oleh Encik Dahlan Samad, Pengarah Perkhidmatan Rujukan Malaysiana selaku Ketua Sistem Audit. Sesi perkongsian ini telah dihadiri oleh semua juruaudit dalaman PNM bagi tujuan percambahan idea dan berkongsi pengalaman di antara juruaudit semasa menjalankan audit.



PENGUATKUASAAN DOKUMEN KUALITI VERSI MS ISO 9001:2015

Dokumen kualiti bagi versi MS ISO 9001:2015 telah diluluskan oleh Ketua Pengarah pada 24 November 2017 dan dikuatkuasakan pada 15 Disember 2017. Sebanyak 33 prosedur kualiti yang digunapakai bagi versi MS ISO 9001:2015 termasuk 3 prosedur baharu yang telah dibangunkan iaitu:

(a) Manual Kualiti

(b) Prosedur Pengurusan Risiko

(c) Prosedur Pengurusan Perubahan



Puspanita

PUSPANITA Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bernaung di bawah PUSPANITA Cawangan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. PUSPANITA PNM dipengerusikan oleh Datin Munazzah Zakaria, Pengarah Pembangunan Koleksi, PNM.

Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan PNM bagi tahun 2017 adalah seperti berikut :

Pengerusi	: Datin Munazzah Zakaria
Timbalan Pengerusi	: Katrun Nada Haji Hashim
Setiausaha	: Zalina Abdul Rahim
Naib Setiausaha	: Azura Che Noor
Bendahari	: Nor Azlin Sahamed
Naib Bendahari	: Rokiah Kassim
Biro Kebajikan	: Zaiton Hassan
Biro Agama	: Effah Imtiaz Zainol
Biro Sosial	: Jamilia Jamil
Biro Sukan	: Hazeline Mohd Zain
Biro Ekonomi	: Suhaida Mohamad
Pemeriksa Kira-Kira	: Norsyaza Liyana Bunny Linoby
	: Wan Salbiah bt Mohammad Khalil

Pelbagai aktiviti telah diatur meliputi kegiatan sosial, agama, sukan dan kebajikan iaitu di peringkat Jabatan atau Kementerian dan telah dihadiri oleh ahli PUSPANITA. Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi Rawatan Resdung dan Urutan Tradisional, jualan jenama Tupperware, Demonstrasi Masakan, *Mobile Spa* dan Jari Emas, #MalaysiaNgaji : Majlis Tadarus dan Majlis Berbuka Puasa, Kejohanan Indoor Games dan lain-lain.



Tupperware Brands - Demonstrasi Masakan pada 11 Oktober 2017



Friendly Match Futsal Bersama KPJ Ampang Specialist Hospital pada 14 Oktober 2017







#MalaysiaNgaji : Majlis Tadarus dan Majlis Berbuka Puasa pada 19 Jun 2017



Kelab PNM

Kelab PNM merupakan salah satu medium penting untuk warga PNM mengeratkan silaturrahim dan menjalankan pelbagai aktiviti yang berfaedah seperti kesukanan, rekreasi dan kebajikan. Hal ini adalah selari dengan matlamat penubuhan Kelab PNM ini iaitu membentuk dan mengamalkan suatu budaya kerjasama dan perkongsian idea dalam kalangan warga PNM tanpa mengira batasan agama, bangsa mahupun pangkat yang mencerminkan kesepaduan dalam satu bumbung yang sama.

Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM Sesi 2017-2019

Kepimpinan Kelab PNM diterajui oleh pegawai-pegawai yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kelab PNM yang ke-39 yang telah diadakan pada 14 Ogos 2017. Juru Audit Kelab PNM yang dilantik adalah Katrun Nada Haji Hashim dan Dahlan Samad (sehingga 26 Mac 2018).

BARISAN AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF 2017-2019

KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Duduk dari kiri: Nor Azlin Sahamed (Setiausaha Kehormat), Charles Brilee (Naib Yang Dipertua), Ali Rashid (Yang Dipertua), Noraini Ya'Cub (Bendahari Kehormat). Berdiri dari kiri: Nur Azura Che Noor, Siti Shafarah Shamsudin, Hazeline Mohd Zain, Mohd Hafazah Azraai, Wan Yuhaimisham Wan Yusoff, Fatimah Abdul Hai, Rosimah Soad, Rokiah Mohd Kasim.

Cerminan Kesepaduan Toleransi dan Pemuafakatan Melalui Pelaksanaan Aktiviti Kelab

Sepanjang tahun 2017, terdapat hampir 20 aktiviti Kelab PNM yang telah dijalankan iaitu bagi Biro Sukan sebanyak dua (2) aktiviti, Biro Agama enam (6) aktiviti, Biro Sosial dan Kebudayaan empat (4) aktiviti, Biro Keahlian dan Ekonomi enam (6) aktiviti dan Biro Kebajikan tiga (3) aktiviti. Antara aktivitinya adalah Kejohanan Ping Pong MAKSWIP 2017, Kejohanan Futsal Jemputan Sempena 25 Tahun Kelab Sukan dan Rekreasi Hospital Tawakal, Ceramah Agama Bulanan, Bacaan Yaasin/ Tahlil/Doa selamat, #MalaysiaNgaji, Sihat@Gaya Hidup Zumba, Majlis Terlajak Raya @PNM, Program Derma Darah dan lain-lain.



Sekitar Program Kempen Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan



Wakil PNM sempena Kejohanan Ping Pong Lelaki Berpasukan MAKSWIP 2017



Aktiviti SenamSeni/ Aerofit@PNM



Penulisan

KERTAS KERJA / ARTIKEL / LAPORAN NEGARA

Yazid Ibrahim

Old But Gold: Your Valuable Sources From The Past. Paper presented at: IFLA WLIC 2017 – Wrocław, Poland – Libraries. Solidarity. Society. in Session 231 - Rare Books and Special Collections.

ULASAN BUKU

Amy Zurina Abdullah

Lambaian Menara Gading :
Ranjau Wanita Memburu ijazah.
SARI PUSTAKA, (1) : 2017




Anis Omar

Hitler : Hancurnya Third Reich.
SARI PUSTAKA, (1) : 2017



Azfaradila Zainal Abidin

You're What You Eat : Your Healthy Lifestyle Guide.
SARI PUSTAKA, (2) : 2017



Fairuz Zakaria

Ujian/Masharakat.
SARI PUSTAKA, (2) : 2017



Izlin Ahmad

Salman Al-Farisi : Pahlawan Islam dari Parsi.
SARI PUSTAKA, (3) : 2017



Jamiliana Jamil

Semusim di Barzakh.
SARI PUSTAKA, (1) : 2017



Mahazatfetri Mahmud

96 Kod Rahsia Bagaimana Untuk Berjaya.
SARI PUSTAKA, (4) : 2017



Manirah Mansor

Di Sebalik Fiqah Forensik.
SARI PUSTAKA, (1) : 2017



Mohamad Rizal Abdullah

Mentaliti Jamban.
SARI PUSTAKA, (2) : 2017



Mohd Ikhmil Firdausz Mohd Hanif

Praktis Hibah di Malaysia
SARI PUSTAKA, (3) : 2017



Muhammad Taufiq Hamdan

Autobiografi Seorang Pemberontak
SARI PUSTAKA, (4) : 2017



Nor Shazila Johari

Perca
SARI PUSTAKA, (2) : 2017



Noraini Ya'cub

Mutiara Usrati
SARI PUSTAKA, (1) : 2017




Nur Azidah Azizan

Disebalik Tembok Yahudi :
Ada Damai di Al-Aqsa
SARI PUSTAKA, (3) : 2017



Nur Syazleen Ashah

Ibu Madrasah Pertamaku
SARI PUSTAKA, (2) : 2017



Nurul Syafiqah Abdul Ghani

Suri Rumah Profesional
Jutawan Di Rumah
SARI PUSTAKA, (4) : 2017




Sahril Lariwoo

Mahasiswa Bukan Macai : P
endidikan Bukan Politik
SARI PUSTAKA, (3) : 2017



Shamsiah Deraman

IS/ISIL/DAESH ISIS
SARI PUSTAKA, (1) : 2017



Suraya Omar

Ekosistem hutan dan Al-Quran
SARI PUSTAKA, (1) : 2017



Ummi Syarni Rifaie

Pesan Hamka Kepada Pendidik
SARI PUSTAKA, (3) : 2017



Zainor Kamarul Basahidin

Bajet Power :Simpan Dan Labur
Gaya Orang Muda
SARI PUSTAKA, (3) : 2017



Zaitoon Hassan

Why So Serius, Parents?
SARI PUSTAKA, (3) : 2017



Zalina Abd Rahim

Ketika Azazil Berputus Asa :
Runtuhnya Dominasi Empayar Iblis
SARI PUSTAKA, (2) : 2017



Zuliana Ab. Rashid


Masa Depan Strategik Kebangkitan Islam
SARI PUSTAKA, (4) : 2017



Wan Mohd Saiful Wan Mohd Ghazali

ENRIQUE MELAKA
SARI PUSTAKA, (2) : 2017






Terbitan PNM

PENERBITAN

Pada tahun 2017, sebanyak 57 penerbitan Jabatan telah dipromosi melalui penyertaan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, Pesta Buku Negeri serta program yang dianjurkan di dalam dan luar Jabatan. Hasil promosi sebanyak 1,064 naskhah penerbitan telah berjaya dijual. Hasil jualan yang amat menggalakkan dengan pencapaian sebanyak RM 32, 950.20.


Penerbitan buku Kajian Kompetensi Pustakawan di Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Gunasama di Malaysia 2016 ialaha usaha untuk mengenal pasti kompetensi dan latihan yang diperlukan oleh pustakawan. Sebanyak 22 jenis kompetensi berada pada skor tertinggi antaranya adalah penilaian kendiri, budaya dan konteks organisasi dan kolaborasi dan kerja berpasukan.








SEKITAR
PERPUSTAKAAN
BIL.4/2017
ISSN 0127-1172
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA


Pustaka
BULETIN PNM
Program Jauh Perjalanan
Luas Pengetahuan
www.pnm.gov.my


PROSIDING
PERSIDANGAN ANTARABANGSA
MANUSKRIP MELAYU 2017
"Menjunjung Warisan Pusaka,
Menjulang Peradaban Bangsa"
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
10 HINGGA 12 OKTOBER 2017


KAJIAN
KOMPETENSI PUSTAKAWAN
DI PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA
DAN
PERPUSTAKAAN
KHUSUS GUNASAMA
DI MALAYSIA
2016

Pameran

PAMERAN ASAL USUL DAN BUKTI KEINTELEKTUALAN MELAYU



YBhg. Tan Sri Omar bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif, Persatuan Sejarah Malaysia merasmikan pameran ini pada 10 Oktober 2017




Tetamu kehormat melihat naskhah manuskrip Melayu yang dipamerkan

PAMERAN MEMORI KEGEMILANGAN SUKAN SEA DAN PAMERAN MALAYSIAKU INDAH











Keratan Akhbar

Martabatkan penggunaan bahasa Melayu




a dari kanan) bertanyakan sesuatu dengan salah seorang pempamer selepas ongres Kerangka Standard Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru Kampus ala Lumpur semalam.

R – Sektor korporat disaran memartabatkan penggunaan bahasa

Keratan Akhbar









Al-Qur'an koleksi Museum Babullah, Ternate, Maluku Utara, abad



Al-Qur'an koleksi Museum La Galigo, Sulawesi Selatan, abad ke-

Banyak guna m

Dari Ms.71

Antara pusat penyalinan mushaf al-Quran yang dikenal pasti mulai abad ke-17 hingga 19 selari dengan kedatangan Islam di rantau ini termasuk di Aceh, Cirebon, Bima, Kepulauan Riau dan Ternate.

Beliau berkata, sumbangan pengkaji Islam masih kurang dalam mengupas keunikan manuskrip al-Quran lama sedangkan ia penting untuk menonjolkan identiti Muslim di Asia Tenggara. Usaha penyelidikan di Indonesia juga masih baharu dijalankan iaitu kira-kira 10 tahun kebelakangan ini.

Tonjol identiti Asia Tenggara

"Apabila membicarakan mengenai Islam, orang akan terus menumpukan kepada keunggulan di Asia Barat sedangkan mereka sendiri mengalami situasi sukar dengan perpecahan dan peperangan.

"Mengapa tidak kita tunjukkan kesederhanaan Islam di Asia Tenggara dengan mempamerkan keindahan identiti masyarakat di sini menerusi manuskrip al-Quran lama," katanya pada Seminar Karakteristik dan Iluminasi Mushaf al-Quran Nusantara pustakaan Negara Malaysia baru-baru ini.

Katanya, Bayt Al-Quran Muzium Istiqlal yang dir Kementerian Agama Re Indonesia ditubuhkan sejak tetapi pada mulanya m pukan kepada pencarian manuskrip al-Quran lama.

Kerja penyelidikan m kuskan naskhah lama di Ind pula hanya bermula pada 20 sejak tahun lalu dilanjutk negara jiran seperti Malaysia pura, Thailand Selatan dan

Mengupas ciri iluminas manuskrip al-Quran lama tara, masing-masing mem pelbagai ragam tersendiri kebanyakannya menggu motif flora dan ditambah geometri.

Mushaf istana Terengganu paling cantik

Gaya iluminasi Aceh paling dikenal pasti keran hias hampir sama ia bahagian awal, teng mushaf dengan peng hitam, oklat serta m

Mushaf gaya Patta



BH ONLINE



DATU ah Ahmad (tiga dari kiri) bergambar bersama penerima hadiah bagi p mewarna kategori orang cacat penglihatan selepas merasmikan majlis ogram Bacalah.. Sinar Hidupku di Perpustakaan Negara. Turut sama, san KL Braille, Datuk Mah Hassan Omar (tiga dari kanan). - Foto Muhd

Siti Haliza Yusop
nyusop@bh.com.my

Fakta nombor

663	105	60
Naskhah al-Quran kuno dijumpai di Indonesia	Naskhah al-Quran lama ditemui di Narathiwat, Selatan Thailand	Naskhah manuskrip al-Quran lama dalam simpanan PNM



Pengunjung melihat pameran al-Quran sempena Seminar Iluminasi & Karakteristik Mushaf Al-Quran Nusantara di Perpustakaan Negara Malaysia.

motif flora, geometri

usantara di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), punyai ragam hias sederhana dipercayai ditulis di madrasah pondok.

Al-Quran dan yang dinaungi ama Republik kan sejak 1997, lanya menumncarian koleksi an lama. dikan memfoma di Indonesia la pada 2011 dan dilanjutkan ke i Malaysia, Singaatan dan Brunei. iluminasi pada an lama Nusaning mempunyai ersendiri dengan menggunakan litambah unsur

Mushaf dari istana Terengganu antara koleksi tercantik, lengkap bersepuh emas dijumpai pada abad ke-19. Ia dipercayai menjadi hadiah pada era kesultanan kerana ditemui di beberapa wilayah Islam lain.

Selain itu, corak bermotif pokok antara yang banyak terdapat di Nusantara seperti manuskrip dari Aceh, Pattani, Terengganu, Banten, Jawa dan Sumbawa. Seni kaligrafi Islam pada naskhah al-Quran lama menonjol di sesetengah wilayah Islam seperti di Banten yang kurang menggunakan seni iluminasi.

Penyalinan al-Quran secara tradisional membabitkan pelbagai golongan daripada kalangan orang istana, bangsawan dan ulama.

Berdasarkan kajian, penyalinan al-Quran membabitkan istana mengandungi iluminasi berlatarkan emas, manakala mushaf disalin golongan ilmuwan agama atau di sekolah pondok lebih bersifat sederhana.



Usaha penyelidikan manuskrip al-Quran perlu digerakkan selari dengan kajian dilakukan terhadap manuskrip Melayu yang lain"

Nafisah Ahmad,
Ketua Pengarah PNM

Koleksi lama terpinggir

Katanya, terdapat lebih 60 nas manuskrip al-Quran koleksi namun ia seakan terpinggir k kebanyakannya menganggap al-Quran lama itu sama saja d yang ada pada masa kini.

"Anggapan sedemikian mu benar jika dilihat dari sudut tantif atau kandungan al-Q Namun kurang tepat ap dipandang dari sudut kajian U Quran atau ilmu yang berhubu dengannya," katanya.

Beliau berkata, selain jan Allah SWT menjaga kelest kitab-Nya serta memilih h yang mampu menghafal 30 al-Quran juga dipelihara d adanya manuskrip mushaf tersimpan di muzium serta p takaan seluruh dunia.

Justeru, pencerahan m nai mushaf al-Quran dil akan menyuntik semangat manuskrip Melayu yang lain.

Perpustakaan Negara Malaysia sedi digital

Nor Khalilah Gusti Hassan
8 November 2017



Ismail (kanan) be
pokok di perkara

METRO AHAD

RESIPI 200 TAHUN

Ramuan masak beriani dalam manuskri silam bakal jadi tumpuan

BERNAMA
Kuala Lumpur

Resipi nasi beriani dalam manuskrip Melayu lama berusia 200 tahun dijangka antara tumpuan peserta Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang bermula Selasa ini selama tiga hari.

Ketua Pengarah PNM Datuk Nafisah Ahmad berkata, manuskrip nukilan kaum

Muhammad Marwan pada hari ketiga pe ngan," katanya.

Nafisah be di-bentangkan tama ialah il penjajah ole dari Universi Ar-Raniry Ba donesia yan dalam Tazkir Manuskrip Pengobar Sa Melawan Bela

Selain itu, ga mendeng

Keratan Akhbar

BERITA RTM

Malaysia,Iran Tingkatkan Kerjasama Pendidi

KUALA LUMPUR - Malaysia dan Iran terus berusaha meningkatkan lagi kerja dalam bidang pendidikan dengan memperkenalkan pelbagai program bagi mena dan menggalakkan lebih banyak pelajar melanjutkan pengajian tinggi di kedua-dua negara.

Duta Besar Iran ke Malaysia, Marzieh Afkham berkata ini termasuk dari segi kurusus ang ditawarkan di universiti serta program pertukaran profesor untuk manfaat elajar.

larzieh berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan versi terjemahan erita klasik terkenal Parsi berjudul 'Rose Garden' ke dalam bahasa Malaysia ertajuk Taman Mawar, karya penyair terkenal Parsi Abu-Muhammad Muslih al-Din bdallah Shirazi, lebih dikenali sebagai Saadi Shirazi, di Perpustakaan Negara lalaysia (PNM) di sini.

NM bekerjasama dengan Pusat Kebudayaan Republik Islam Iran melalui kedutaan egara itu di sini untuk memperkenalkan karya hebat Iran kepada pembaca .

edutaan Iran menyumbang 500 naskhah Taman Mawar kepada PNM dan buku itu kan diedar kepada perpustakaan di seluruh negara. Orang ramai boleh membeli

TEHRAN TIMES
IRAN'S LEADING INTERNATIONAL DAILY

First Malay translation of Sadi's Gulistan unveiled in Malaysia



Khazanah
republika.co.id

Kamis , 21 September 2017, 05:30 WIB

LPMQ Kemenag dan Perpustakaan Negara Mala Gelar Seminar

Red: Agus Yulianto
Agung Supriyanto/ Republika



26 RENCAM MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 26 NOVEMBER 2017

Niat dakwah dorong jadi pustakawan

BUKU dan perpustakaan tidak boleh dipisahkan. Ia ibarat aur dengan tebing yang saling berkait rapat dalam usaha membantu menyalurkan pelbagai maklumat dan ilmu kepada para pengunjungnya. Sementara pustakawan pula boleh diumpamakan sebagai jambatan yang menghubungkan peranan itu kepada mereka yang dahagakan ilmu pengetahuan bagi membina sahsiah diri masing-masing.

Menyedari betapa murninya peranan itu, maka tidak hairanlah bidang perpustakaan menjadi pilihan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Datuk Nafisah Ahmad sejak 32 tahun lalu.

Menurut Nafisah, selain suka membaca, niat untuk berdakwah dengan menyebarkan ilmu pengetahuan menjadi pencetus inspirasi kepada beliau terbabit dalam bidang tersebut.

BERJIHAD DALAM BIDANG ILMU YANG JUGA DISEBARKAN MELALUI BUKU-BUKU DI PERPUSTAKAAN MENJADI PENCETUS INSPIRASI BUAT KETUA PENGARAH PNM, DATUK NAFISAH AHMAD MENCEBURI SERTA BERGELUMANG DENGAN DUNIA BUKU YANG DICINTAINYA SEJAK 32 TAHUN LALU TANPA LELAH DAN JEMU.

"Saya gemar membaca dan sukakan ilmu. Kalau boleh saya mahu bergelumang dengan ilmu pada setiap hari. Saya juga mahu berdakwah dan berjihad dalam bidang yang dekat dengan ilmu.

"Sebab itulah saya memilih bidang ini dan ternyata selepas lebih tiga dekad menjadi pustakawan saya tidak merasa jemu atau menyesal menyertainya," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Anak jati negeri Kedah ini berkata, beliau pada mulanya amat meminati bidang sains dan bercita-cita mahu menjadi doktor sejak di bangku sekolah, namun sayangnya hasrat itu tidak kesampaian.

Bagaimanapun, bidang Sains Perpustakaan yang dipelajarinya secara tidak langsung menyebabkan beliau tertarik dengan bidang itu yang mempunyai daya tarikan tersendiri.

"Cita-cita saya mahu jadi doktor tetapi apabila tidak layak saya ubah kepada kursus mikrobiologi. Saya belajar di UKM dalam Fakulti Sains Hayat dan pengkhususan dalam bidang mikrobiologi.

"Sepatutnya saya bekerja dalam makmal atau hospital. Selepas itu, saya sambung pula belajar dalam bidang Sains Perpustakaan dan mendapati bidang ini juga ada kaitannya dengan bidang sains.

PENCETUS INSPIRASI

OLEH
ABD. AZIZ ITAR
aziz.itar@utusan.com.my



"Bidang sains perlu ketelitian dan kajian. Perlu faham dengan apa juga bahan yang kita sediakan dan diberikan kepada khalayak dan perkara itu juga ada dalam bidang perpustakaan," ujarnya.

Beliau yang menganggap perpustakaan seperti rumahnya sendiri sejak lebih tiga dekad lalu mendapat banyak manfaat daripada bidang itu bukan sahaja daripada segi ilmu pengetahuan.

Mematuhi standard

Malah, pengalaman bergelumang dengan pelbagai jenis buku pada setiap hari juga telah menjadikan Nafisah amat mengenali jenis-jenis buku dan isi-isi kandungannya yang bermanfaat untuk dibaca.

"Bidang buku adalah dunia saya setiap hari dari pukul 8 pagi sampai 5 petang. Buku sangat dekat dengan saya. Saya boleh menilainya sama ada ia mematuhi standard antarabangsa atau tidak.

"Misalnya, isi kandungan buku yang bagaimana dan adakah ia juga boleh memberi kesan kepada para pembacanya ataupun tidak? Ternyata minat saya itu memang ada di situ," katanya.

Terbukti bidang itu tidak menghampakan beliau kerana pelbagai perkembangan yang dilaluinya sepanjang terbabit dalam bidang itu telah banyak memberi manfaat kepada para pembaca.

Antaranya dengan penambahbaikan kemudahan dalam perpustakaan termasuk penggunaan kemudahan teknologi dalam usaha menarik golongan pembaca dekat dengan perpustakaan.

"Kami ada *Smart Library* yang macam kafe siber dan pada hujung tahun ini hinggalah dua tahun yang akan datang kami dapat bantuan dari EPU (Unit Perancang Ekonomi) berjumlah RM14 juta.

"Ia bertujuan menaik taraf perpustakaan. Kami juga sedang majukan U Pustaka sebagai hab bagi menyediakan perkhidmatan untuk rakyat Malaysia membaca secara dalam talian.

"Buku juga boleh dipinjam secara dalam talian dan ia akan dihantar terus ke rumah dengan menggunakan perkhidmatan seperti Pos Laju. Tidak perlu lagi ke perpustakaan," jelasnya.

Malah, sepanjang kerjayanya di PNM, Nafisah juga boleh berbangga apabila agensi yang diketuainya itu dipilih sebagai ... rumah Kongres Perpustakaan ... Muktamar Sedunia di KL pada Og... depan.

Katanya, ko... Persekutuan P... Dunia (IFLA) it... kehadiran tida... delegasi ... pustakaan da...

"Ini adalah ... yang telah dia... pertama kali M... dan menjadi n... Tenggara sele... dan Singapura

"Selepas tig... kali ini kita berja... akan menyertai ... diadakan di Kua... (KLCC) dengan sas... katanya.

Beliau berharap, pem... sebagai hos kongres itu sed... sebanyak menjadi kekuatan ba... negara melobi UNESCO mendapat... status Kota Buku Dunia dari pertubuhan itu pada 2020.

Pustaka Warisan Bangsa

Bagai api obor memberi cahaya
Perpustakaan kita
Menjadi kebanggaan semua
Penyuluh hidup jaya

Berbagai maklumat terkumpul sedia
Berkhidmat penuh setia
Berbakti pada rakyat Malaysia
Rahmatnya tak terhingga

Perpustakaan Negara Malaysia
Penggerak budaya membaca
Berbagai khazanah yang ada
Pustaka warisan bangsa

Rakyat yang berilmu akan terus maju
Gunakan sumber ilmu
Bersama kita membina minda
Wawasan jadi nyata

Penulis Lirik: Mahzan Manan